



● BIL 286 ● 1 - 7 NOVEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

Siapa

TES!

▶▶ 2-3

**Bumi makin
panas**
>> 9-11

**Sari batik tarik
minat Gen Z**
>> 14

**Mewajarkan
subsidi RON95**
>> 17



KRITERIA bagi pengklasifikasian T15 bukan sahaja merangkumi pendapatan tetapi juga aset dan harta. - Gambar hiasan.

Kenal pasti secara menyeluruh

PERLU TAFSIR SECARA MUNASABAH

AZLAN ZAMBRY

PENGKELASAN golongan T15 mestilah berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa, demografi penduduk, lokaliti dan pendapatan bersih isi rumah, kata Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar**.

Jelasnya, sekiranya golongan T15 yang berada di Kelantan, semua sedia maklum kos sara hidup yang murah berbanding di bandar-bandar utama negeri-negeri lain.

"Jika hendak dibandingkan individu yang berada di dalam kelompok T15 di Selangor dan Lembah Klang, pasti jurangnya melebar berikutan di kawasan ini mempunyai pembangunan, pemilikan kekayaan dan penajaan pendapatan.

"Selain itu, golongan ini juga perlu dipisahkan kepada kategori makan gaji dan juga usahawan, jadi ia memang memerlukan penafsiran yang betul," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Rabu.

Beliau berkata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah membuat pengelasan ini berdasarkan julat pendapatan namun pada hakikatnya ia mungkin tidak menggambarkan sosioekonomi, tanggungan, lokaliti dan sebagainya.

"Sebagai contoh, seorang individu T15 yang bermastautin di Shah Alam, bayaran rumah sahaja mungkin mencecah RM2,000 sebulan, penjagaan dan pendidikan anak juga perlu dibayar dengan kos yang sama dengan hanya seorang pekerja, namun disebabkan

menerusi gaji bulanan dikategorikan sebagai T15, jadi ia tidak wajar kerana kos sara hidup yang tinggi.

"Berbanding dengan individu yang bermastautin di kawasan kampung yang mungkin mewarisi rumah pusaka termasuk kebun dan ladang, ia juga perlu dikelaskan dengan adil kerana banyak perkara termasuk kos yang perlu ditanggung," katanya.

Ujar beliau, kerajaan perlu membuat penelitian lanjut sebelum mengelaskan golongan T15 supaya sebarang dasar ekonomi di bawah Kerajaan MADANI memberikan keadilan kepada semua pihak.

Terdahulu, di dalam pembentangan Belanjawan 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memperkenalkan klasifikasi kumpulan T15 yang mewakili 15 peratus pendapatan teratas negara.

Klasifikasi baharu ini adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi khususnya bagi bahan api RON95 demi memastikan pengagihan sumber yang lebih saksama.

Menurut Suhaimee, dasar ini bertujuan untuk mengubah hala dana daripada subsidi yang memberi manfaat yang tidak seimbang kepada rakyat Malaysia dan warga asing terkaya, yang kini menggunakan kira-kira 40 peratus daripada subsidi bahan api RON95.

"Anggaran RM8 bilion yang diijamatkan setiap tahun daripada pemotongan ini akan diperuntukkan semula kepada sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan mengkaji paras pendapatan bagi golongan T15 daripada RM13,000 yang ditetapkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ketika ini kepada RM15,000 hingga RM20,000.

Jelas beliau, langkah itu diambil berikutan kritikan dan pandangan dari pelbagai pihak menyatakan jumlah yang ditetapkan Jabatan Perangkaan itu terlalu rendah dan tidak munasabah.

"Dan adakah kita fikir akan naik RM15,000 atau RM20,000, itu sedang dibincangkan," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (PN-Pasir Puteh) mengenai pentafsiran T15 yang dibuat secara individu.

Berhubung dengan rancangan kerajaan dalam melaksanakan subsidi bersasar untuk petrol RON95 seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan 2025, Perdana Menteri berkata, perkara itu sedang dibincangkan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan agensi berkaitan.

"Ada isu mengenai kedudukan T15, maka kita lepaskan tanggungjawab membayar kepada B40, M40 dan bila dikaji, ada rangkaian daripada T20 ini di peringkat bawah.

"Itu mungkin pendapatannya agak sedikit rendah, maka dinaikkan. Ini bukan perkara baharu sebab dalam penyelarasan subsidi diesel digunakan prinsip yang sama," katanya. 

Perkasa konsep wakaf

PAKAR Ekonomi, **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** memberi pandangan kerajaan perlu memperkasakan konsep wakaf supaya golongan T15 dapat menyumbang secara sukarela.

Beliau yang juga Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS) berkata aset wakaf di Malaysia dianggarkan bernilai lebih RM1.3 trilion bagaimanapun hanya 30 peratus sahaja baru digunakan.

"Kalau konsep wakaf diperkasakan bukan setakat wakaf harta benda tetapi wakaf tunai dan wakaf korporat, kemungkinan tak perlu pun dikenakan cukai kepada T15. Malahan T15 akan lebih suka menderma ikut sedekah, wakaf dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian susulan kelompok 15 peratus teratas rakyat berpendapatan tinggi atau lebih dikenali T15 kemungkinan akan dikecualikan daripada beberapa subsidi tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim b a g a i m a n a p u n

menafikan anggapan dan fahaman sebilangan pihak yang secara pasti mentakrifkan bahawa T15 yang akan dikecualikan daripada subsidi tahun depan adalah isi rumah berpendapatan RM12,000 ke atas seperti takrifan dipakai pada masa kini.



AHMED RAZMAN

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tambun

berkata kerajaan sedia mempertimbangkan agar klasifikasi kelompok yang akan dikecualikan daripada beberapa subsidi itu diubah daripada T15 menjadi T10 iaitu kelompok 10 peratus teratas rakyat berpendapatan tinggi.

Mengulas lanjut, Razman berkata jika kerajaan meminta golongan T15 membayar cukai, mereka mungkin menganggap sebagai paksa dan tidak secara sukarela.

Beliau berkata berbanding jika wakaf, mungkin ada dalam kalangan mereka berpandangan ganjaran lebih besar di akhirat.

"Jadi kalau pendekatan ke arah agama iaitu lebih kepada menggalakkan bayar zakat dan wakaf, maka mereka lebih setuju ke arah itu," katanya.

Pada 14 Mei lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan berkata inovasi wakaf perlu diperluas dan diberi tumpuan khusus kerana potensinya yang amat besar dalam memajukan pembangunan ekonomi dan pemeraksanaan ummah.

Beliau berkata seiring dengan perkembangan instrumen wakaf semasa, negara perlu bergerak lebih pantas untuk memanfaatkannya secara optimum.

Zulkifli berkata, Kerajaan Madani turut menekankan pentingnya semua agensi memberi tumpuan pemeraksanaan kewangan Islam melalui pendekatan wakaf.

Sebelum ini, bekas Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin berkata nilai aset wakaf di seluruh dunia dianggarkan berjumlah AS\$100 bilion (RM453.96 bilion) hingga AS\$1 trilion (RM4.54 trilion).

Katanya, anggaran itu menjadikan kewangan sosial Islam sebagai sumber pembiayaan yang berpotensi untuk menangani jurang pembiayaan kemampunan yang dianggarkan lebih daripada AS\$1.7 trilion (RM7.72 trilion) setiap tahun. 

Perkenal pengkelasan T15

TINGKAT KECEKAPAN AGIH SUBSIDI

METRA SYAHRIL MOHAMED

LANGKAH memperkenalkan kategori baharu pengkelasan pendapatan rakyat dikenali T15 mencerminkan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang kesenjangan ekonomi dan meningkatkan kecekapan pengagihan subsidi.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr Taha Mohd Omar** berkata ia juga sebagai usaha mengimbangi antara keperluan rakyat dan kemampuan kewangan negara selain menstrukturkan subsidi dengan lebih bersasar.

“Namun, apakah sebenarnya kategori T15 ini dan mengapa ia relevan dalam landskap sosioekonomi Malaysia hari ini?”

“Kriteria untuk T15 ditentukan berasaskan ciri-ciri ekonomi yang berbeza berbanding B40 dan M40, di mana T15 mewakili 15 peratus kumpulan pendapatan tertinggi dalam masyarakat. Statistik menunjukkan bahawa golongan ini, yang pada amnya berada di tahap tertinggi dari segi pendapatan, adalah penyumbang terbesar kepada hasil negara.

“Pada 2022, golongan mahakaya ini menyumbang hampir 70 peratus daripada keseluruhan cukai pendapatan negara. Justeru, penyasaran subsidi berdasarkan klasifikasi T15 adalah bertujuan untuk mengurangkan beban subsidi terhadap golongan yang lebih memerlukan seperti B40, sekali gus memastikan kecekapan pengagihan kewangan negara,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau menambah, tindakan kerajaan mengecualikan golongan T15 daripada subsidi bertujuan mengurangkan beban kewangan negara yang mana pada 2021, Malaysia membelanjakan hampir RM30 bilion untuk subsidi bahan api sahaja.

Katanya, kesan pandemik dan krisis harga minyak global menyebabkan perbelanjaan subsidi melonjak pada 2022 kepada lebih RM50 bilion.

Menurut beliau, dengan mengambil kira perbelanjaan ini, pengurusan subsidi dengan lebih bersasar dianggap perlu dan pengkelasan baharu T15 adalah salah satu langkah ke arah itu.

“Persoalan utama sekarang ini siapa itu golongan T15? Kriteria bagi pengklasifikasian T15 bukan sahaja merangkumi pendapatan tetapi juga aset, harta dan sumbangan kepada ekonomi negara. Umumnya, golongan ini memiliki pendapatan tahunan yang melebihi RM200,000 atau aset bernilai tinggi yang tidak termasuk dalam kategori perbelanjaan asas.

“Dalam sektor kerajaan, mereka mungkin terdiri daripada pegawai kanan kerajaan seperti Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah dan pegawai peringkat JUSA. Ini mencakupi jawatan strategik



GOLONGAN T15 sering kali terdiri daripada individu atau keluarga dengan pendidikan tinggi, pekerjaan profesional atau pemilik perniagaan berjaya. - Gambar hiasan

yang memainkan peranan besar dalam ekonomi negara dan berkemampuan untuk menyokong diri tanpa memerlukan subsidi asas.

“Bagi menjustifikasi golongan ini, ia adalah penting untuk mengakui bahawa kekayaan mereka juga berperanan dalam memperkasa ekonomi Malaysia melalui pelaburan dan perniagaan,” katanya.

Sungguhpun begitu tegasnya, jika dibandingkan dengan B40 dan M40, T15 berbeza dari segi keperluan bantuan sosial yang asas, maka subsidi ke atas barangan harian seperti petroleum dan makanan sepatutnya lebih difokuskan kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Katanya, kaedah pengkelasan T15 seharusnya dilandaskan kepada data yang teliti dan menyeluruh, termasuk pendapatan bersih, nilai aset tetap dan sumbangan ekonomi.

Mengambil contoh negara maju katanya, beberapa negara menggunakan sistem klasifikasi subsidi berdasarkan pendapatan individu dan sumbangan cukai.

“Malaysia boleh mempertimbang pendekatan ini dengan meneliti jumlah cukai pendapatan yang disumbangkan oleh golongan T15, sekali gus mengurangkan risiko penyalahgunaan subsidi dalam kalangan yang tidak memerlukannya.

“Paling utama kerajaan perlu memastikan bahawa sistem klasifikasi ini bersifat fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut perkembangan ekonomi. Sebagai contoh, dalam situasi ekonomi yang mencabar, golongan yang sebelum ini berada dalam T15 mungkin memerlukan bantuan. Oleh itu, kaedah yang lebih inklusif perlu dirangka agar subsidi dapat disesuaikan tanpa

mengabaikan mereka yang mengalami permasalahan kewangan,” katanya.

Beliau menambah, persoalan sekarang adakah T15 perlu dikecualikan daripada semua subsidi?

“Meskipun T15 berada pada tahap ekonomi yang stabil, pengecualian sepenuhnya daripada subsidi mungkin kurang adil kerana bukan semua subsidi bersifat ‘one-size-fits-all’.

“Sebagai contoh, subsidi pendidikan dan kesihatan sepatutnya terus dinikmati oleh semua, termasuk T15, kerana ia merupakan hak asas bagi setiap warganegara. Dalam hal ini, kerajaan boleh mempertimbang pendekatan subsidi bersasar yang hanya mengecualikan T15 daripada bantuan keperluan harian seperti petroleum atau barangan asas yang menyumbang kepada inflasi,” katanya.

Tambahnya, di beberapa negara, pendekatan ‘subsidi berperingkat’ dilaksanakan dengan menetapkan jumlah minimum serta maksimum bantuan berdasarkan tahap pendapatan dan dengan ini, golongan T15 masih menerima subsidi dalam bentuk manfaat kesihatan atau manfaat pendidikan tanpa membebankan kewangan negara.

“Dalam menghadapi isu ekonomi pada tahun hadapan, pengklasifikasian T15 merupakan satu langkah strategik untuk menyusun semula subsidi bagi memastikan ia lebih bertahan dan adil.

“Walaupun masih ada ruang penambahbaikan dalam menentukan kriteria yang tepat, objektif utama pengklasifikasian ini adalah untuk menyasar subsidi kepada mereka yang lebih memerlukan, demi mengurangkan kesenjangan ekonomi di Malaysia.

“Golongan T15, sebagai penyumbang terbesar hasil negara, pastinya berhak menikmati sokongan tertentu dalam bentuk hak asasi seperti kesihatan dan pendidikan, namun pengecualian subsidi asas yang lain adalah suatu langkah yang wajar dan boleh diterima jika dilaksanakan dengan adil dan telus,” katanya.

Perhalusi golongan mahakaya

PENGKELASAN mengenai golongan T15 perlu diperhalusi bagi memastikan penyasaran subsidi yang akan dibuat kerajaan adalah adil kepada semua pihak.

Demikian ditegaskan Felo Penyelidik Pasca Siswazah di Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya, **Dr Mohd Khairi Ismail** mengenai penumpuan negara ketika ini terhadap golongan yang dikatakan mahakaya itu.

Menurut beliau, secara umum, golongan T15 tidak memerlukan bantuan kewangan kerana mereka berada dalam kumpulan pendapatan tertinggi dan biasanya mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyokong gaya hidup mereka.

“Namun ada situasi tertentu di mana individu dalam golongan ini mungkin memerlukan bantuan seperti dalam kes kesihatan, pendidikan anak atau masalah kewangan yang tidak dijangka,” katanya.

Beliau memberitahu, meskipun langkah tersebut membawa penjimatan bermakna yang boleh dibelanjakan untuk kepentingan lain, mengambil contoh penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion daripada penyasaran subsidi elektrik, ayam (RM1.2 bilion) dan diesel (RM4 bilion), kesejahteraan golongan ini perlu diberi perhatian.

Ini katanya, memandangkan golongan tersebut juga merupakan golongan produktif sebagai pembayar cukai.

Selain itu jelasnya, keputusan untuk penyasaran subsidi, terutama golongan T15, bukan hanya mengambil kira aspek pendapatan tetapi juga mengambil kira elemen akses pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan seperti yang dicadangkan dalam Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi.

Tambah beliau, secara asasnya golongan T15 dalam konteks kelas pendapatan di Malaysia merujuk kepada kumpulan isi rumah dengan pendapatan bulanan tertentu.

“Golongan T15 biasanya digunakan untuk merujuk kepada 15 peratus teratas dalam pembahagian pendapatan yang menunjukkan kumpulan yang mempunyai pendapatan tertinggi dalam masyarakat.

“Kumpulan ini sering kali terdiri daripada individu atau keluarga dengan pendidikan tinggi, pekerjaan profesional atau pemilik perniagaan yang berjaya. Mereka biasanya mempunyai akses kepada sumber dan peluang yang lebih baik berbanding dengan golongan pendapatan rendah.

“Selain itu, golongan T15 tidak dianggap miskin sebaliknya mereka adalah kumpulan yang mempunyai pendapatan tertinggi dalam masyarakat. Dalam konteks pendapatan, golongan ini biasanya menikmati taraf hidup yang lebih baik, dengan akses kepada pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan yang lebih baik,” katanya.

Walaupun bagaimanapun katanya, ia perlu juga mengambil kira keadaan semasa yang dihadapi oleh golongan ini.

“Contohnya, golongan T15 tanpa tanggungan boleh dikatakan mahakaya berbanding mereka yang berkeluarga.

“Selain itu, terdapat isi rumah yang dikategorikan golongan T15 hasil daripada jumlah pendapatan suami isteri. Hal ini pasti menunjukkan perbezaan realiti hidup yang sebenar meskipun mereka berada dalam kategori pendapatan yang sama.

“Sebagai contoh, seorang individu bujang dalam golongan T15 mungkin mempunyai pendapatan tinggi dan dikatakan mahakaya manakala golongan T15 mempunyai tanggungan besar dan tinggal di kawasan bandar, situasi kewangan mereka mungkin tidak sebaik individu T15 yang tidak mempunyai tanggungan,” katanya.



MOHD KHAIRI



TAHA



ANWAR ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Dituduh tidak peka kesusahan rakyat

GAJI MINIMUM RM1,700 LANGKAH BERANI

PELBAGAI kritikan dilemparkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejurus membentangkan Belanjawan 2025 baru-baru ini.

Biarpun jelas menunjukkan Kerajaan MADANI memberi fokus terhadap isu kos sara hidup rakyat pendek kata belanjawan yang mesra rakyat namun masih terdapat pihak yang menutup mata.

Malah semakin galak mendakwa kerajaan tidak menghiraukan tentang kenaikan harga barang selain menuduh Anwar seolah-olah lari daripada memikirkan kesusahan rakyat.

Sebelum menghentam rasanya mereka perlu meneliti lebih lanjut pembentangan bajet baru-baru ini di mana PMX dengan beraninya menaikkan kadar gaji

minimum kepada RM1,700 sekali gus mencerminkan tekad politik Kerajaan Perpaduan yang jelas.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menyifatkan tindakan menaikkan kadar baharu itu juga sebagai berani, kerana tiada sebarang keputusan dapat dicapai sekiranya hanya menunggu kata putus daripada pihak syarikat.

"Kalau saya tanya syarikat, tidak akan ada keputusan, mustahil dapat keputusan. Jadi saya bincang dengan kawan-kawan Jemaah Menteri, prestasi negara amat baik, pelaburan yang masuk cukup memberangsangkan dan sebuah negara yang makmur tidak boleh ada layanan sebegini kepada pekerja kita.

"Kita naik (gaji minimum) dari RM1,500 kepada RM1,700,"

katanya dalam Majlis Pelancaran Pembangunan Perumahan Residensi MADANI Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berharap supaya semua syarikat dapat memberi kerjasama dalam pelaksanaan kadar baharu gaji minimum yang akan berkuat kuasa 1 Februari tahun depan.

Kerajaan turut memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Itulah antara keprihatinan yang ditunjukkan PMX kepada rakyat.

Bukan itu sahaja, mengenai pelarasan gaji penjawat awam 15 peratus kepada kumpulan pelaksana dalam Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang

bermula 1 Disember depan, Anwar berkata para penjawat awam perlu lebih bertanggungjawab terhadap kerja masing-masing.

Beliau berkata pelarasan gaji penjawat awam itu akan menyaksikan peningkatan kos gaji lebih RM10 bilion.

Selain itu, beliau turut menyentuh mengenai tindakan beberapa pihak yang mempersoal bahawa Belanjawan 2025 tidak mempunyai projek mega atau mercu tanda hebat.

"Bagi saya projek mega adalah perumahan rakyat, warung, gerai, mutu kemudahan sekolah dan kesihatan yang baik. Semua pihak perlu mengubah cara pemikiran dengan membuat anjakan mengenai kerangka ekonomi daripada sudut pemacuan pertumbuhan yang segar dan rancak," katanya. 

Tiada isu kerajaan tumbang

RASANYA sudah berkali-kali timbulnya desas-desus yang mengatakan kerajaan hari ini akan tumbang sikit masa lagi. Terbaharu, ada yang mendakwa kerajaan akan berkubur kerana kegagalan bajet 2025 yang dikatakan tidak menepati kehendak rakyat.

Pelik dengan pandangan golongan yang sentiasa tidak kenal erti penat mencari salah sedangkan apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan sudah terbukti memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Memetik ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Peluncuran Residensi Madani Putrajaya baru-baru ini, Anwar berkata usaha kerajaan dalam membantu rakyat khususnya golongan yang memerlukan sama

sekali tidak akan menyebabkan kerajaan jatuh sebaliknya punca utama adalah akibat amalan rasuah.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata belum pernah tercatat dalam sejarah dunia tumbangnyanya sesebuah kerajaan kerana memperuntukkan perbelanjaan besar untuk kepentingan rakyat.

"Saya tak pernah baca atau ada sejarah dunia sama ada sejarah Islam, China purba, India, Arab atau Amerika Latin bahawa ada kerajaan jatuh kerana belanja banyak untuk tolong rakyat miskin.

"Belum pernah tercatat dalam sejarah ada mana-mana pemerintah itu kalah atau jatuh kerana membantu rakyat miskin atau menaikkan gaji yang sepatutnya

dengan bagi upah yang adil.

"Kerajaan jatuh kerana rasuah, penyelewengan tamak haloba, pimpinan kaut harta yang bukan hak mereka. Itu yang menyebabkan negara tumbang," katanya.

Beliau berkata kerajaan turut menumpukan aspek pembinaan rumah mampu milik, yang mampu dimiliki golongan berpendapatan sederhana dan rendah di negara ini.

"Ini merupakan satu usaha kerajaan membantu golongan sasar untuk memiliki kediaman yang selesa, persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera serta menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam membantu rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri," katanya.

Justeru Anwar menggesa

semua pihak pemaju yang terlibat agar menyiapkan projek dengan segera mengikut tempoh masa yang ditetapkan namun tetap mengutamakan aspek kualiti serta mutu rumah yang disiapkan.

"Saya harap jangan ada yang lewat-lewatkan projek, melambatkan tiga, enam bulan. Ini mendera rakyat yang menunggu hingga menyebabkan kos pembinaan meningkat.

"Jadi pastikan pengawasannya, kecekapan pelaksanaan projek dan kalau ada apa-apa masalah dari sudut kerenah birokrasi, selesaikan secepat mungkin," katanya.

Jadi di manakah tandanya kerajaan akan tumbang sedangkan banyak peruntukan yang membela nasib rakyat? 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

3/11/24: PTPTN Run @ Dataran DBKL

24/11/24: 2XU Compression Run 2024 @ Padang Merbok

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

9/11/24: Jom Gegar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

30/11/24: Ultron® Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

9/11/24: Jom Gegar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa

9/11/24: Jom Gegar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



LEE CHEAN CHUNG bersama penduduk di Taman Dato Harun, Petaling Jaya sempena Sambutan Hari Warga Emas baru-baru ini.

Dalam isu melibatkan projek pembinaan Lebuh Raya Petaling Jaya Traffic Dispersal Elevated Highway (PJD Link), Yang Berhormat (YB) menyokong atau sebaliknya? Dan apa status projek tersebut setakat ini? Atau ia sudah dibatalkan terus?

Sejauh yang saya tahu projek ini tidak diteruskan. Ini kalau kita teliti keputusan Kabinet baru-baru ini mengenai status projek berkenaan.

Sungguhpun begitu, apa baik dan buruknya PJD Link pada pandangan YB?

Mengenai PJD Link, apa yang baiknya adalah ia dapat menyuraikan trafik di beberapa bahagian jalan yang mengalami kesesakan lalu lintas sekarang.

Namun begitu, keburukannya adalah ia akan mengalami *induced traffic* yang mana kenderaan-kenderaan akan ditarik ke jajaran lebuhraya tersebut dan memudaratkan lagi kesesakan yang sedia ada.

Sebagai contohnya LDP (Lebuhraya Damansara-Puchong). Disebabkan jalan keluar yang disambung terus ke jalan lama Petaling Jaya, dijangka bahawa kesesakan di *bottleneck* juga akan bertambah teruk.

Tambahan pula rakyat perlu membayar (tol) buat beberapa puluh tahun akan datang.

Jika tiada PJD Link, apa penyelesaian terbaik mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Petaling Jaya? Lebuhraya Persekutuan juga sesak teruk, terutama pada waktu puncak di kedua-dua hala.

Paling utama adalah kita perlu memperkasakan pengangkutan awam. Tambahan perkhidmatan bas termasuk bas mini, perkhidmatan Demand Responsive Transit (DRT), lorong motosikal dan juga lorong pejalan kaki.

Saya mencadangkan laluan khusus untuk bas diwujudkan selepas kajian terperinci dibuat oleh pihak bertanggungjawab.

PJ DAN ISU KESESAKAN, KUALITI HIDUP

PETALING Jaya (PJ) diberi status bandar raya sejak 20 Jun 2006. Menghampiri usia 20 tahun, namun suasana semasa PJ seperti tidak menggambarkan kemegahannya selaku bandar raya.

Lalu lintas sesak, kawasan persekitaran khususnya di Taman Medan yang bagaikan tidak terurus baik, ia memerlukan satu perancangan yang khusus mendepani isu-isu sekitar PJ.

Itulah yang dihadapi Ahli Parlimen Petaling Jaya, **LEE CHEAN CHUNG** sejak memenangi kerusi Parlimen tersebut pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau menjawab beberapa persoalan penting mengenai PJ selain isu-isu semasa nasional.

Perkhidmatan BRT (Transit Aliran Bas) seperti TransJakarta di Jakarta, Indonesia juga boleh diwujudkan sepanjang Lebuhraya Persekutuan bagi mengelak kesesakan teruk di laluan berkenaan.

Petaling Jaya berstatus bandar raya. Tetapi aspek keceriaan, kualiti jalan raya, kualiti hidup rakyat khususnya di Taman Medan, dengan masalah demam denggi yang dikatakan membimbangkan, isu kebersihan sekeliling terutama di medan selera umpama tidak menggambarkan status Petaling Jaya itu. Mengapa semua ini berlaku? Apa perancangan YB?

Perancangan khusus untuk kawasan Taman Medan yang berkepadatan tinggi amat diperlukan. Walaupun berkepadatan tinggi, ia tidak semestinya berintensiti tinggi.

Taman Medan boleh dijadikan lebih mesra rakyat dengan memperbaiki kemudahan awam yang sedia ada, mewujudkan lorong pejalan kaki yang boleh mengurangkan kepenggunaan kereta, menanam lebih banyak pokok dan tumbuhan serta menambah baik tempat rekreasi seperti di tebing sungai, Dataran Anak Muda dan lain-lain.

Tanah Persekutuan yang sedia ada, sekiranya boleh, dibangunkan sebagai tempat hijau untuk memberikan corak kehijauan dan keselesaan kepada penduduk.

Kawasan di sekitar pusat bandar juga berdepan dengan isu kekurangan parkir sehinggakan ada yang terpaksa meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak sepatutnya dan disaman. Sepatutnya dibina parkir bertingkat awam dengan kadar parkir yang berpatutan.

Prasarana awam wajar diuruskan dengan lebih baik. Kereta yang tersadai harus ditarik keluar sekiranya tidak diendahkan oleh pemilik dalam tempoh 30 hari.

Ketika ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sedang mewujudkan kawasan tempat letak kenderaan di bawah tanah rangkaian kabel bertegangan tinggi.

Jangka masa panjang tetap menghadkan pemilikan kereta untuk setiap isi rumah dan menggalakkan pengangkutan awam melalui cara yang adil.

Tiada penyelesaian yang dapat dicapai di dunia ini sekiranya setiap rumah memiliki empat ke lima buah kereta.

Di peringkat nasional, terutama di Dewan Rakyat, apa isu-isu yang YB ketengahkan bagi memastikan kelancaran pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim?

Dasar pemerkasaan PKS (perusahaan kecil dan sederhana), pengangkutan awam, kemiskinan bandar serta latihan teknikal dan

sains untuk anak muda.

Bagaimana pula pandangan YB terhadap Belanjawan 2025 dan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN? Apa peranan penting yang perlu Malaysia selesaikan atau utamakan melalui ASEAN?

Penting dan amat strategik dalam waktu sekarang. Sasaran adalah untuk menyelesaikan konflik di Myanmar, mencapai persetujuan untuk ASEAN Power Grid dan merapatkan lagi kesahabatan ASEAN.

Selaku Pengarah Komunikasi PKR, bagaimana kedudukan PKR ketika ini? Menjelang PRU16, apa persiapan dilakukan khususnya bagi menarik sokongan anak muda? Sasaran PKR pada PRU16?

Menggunakan alat-alat baru seperti TikTok dan bekerjasama dengan anggota dan akar umbi parti dalam projek penyiaran maklumat. Nampak anak muda makin tertarik dengan MADANI sekarang. 





MAIMUNAH ketika menyampaikan syarahan Datuk Bandar Kuala Lumpur di Menara DBKL pada Selasa.

Program Perdana DBKL

MAIMUNAH GARIS MISI PENTING

AZLAN ZAMBRY

DATUK Seri Dr Maimunah Mohd Sharif menggariskan lima perkara yang dimasukkan dalam Program Perdana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang akan diberi keutamaan semasa tempoh perkhidmatan beliau sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Katanya, apabila diberi peluang untuk melakarkan visi untuk Kuala Lumpur dalam sesi *Town Hall* di Putrajaya anjuran Kementerian Kewangan, beliau menerangkan lima bidang tumpuan teras semasa berkhidmat sebagai Datuk Bandar ke-15 dan Datuk Bandar wanita pertama Kuala Lumpur.

"Saya amat percaya kepada pembangunan bandar yang diterajui oleh perancangan, bersepadu dan mampan. Pelan Struktur KL 2040 yang telah diperakui oleh semua pihak berkepentingan adalah garis panduan untuk pembangunan masa depan bandar itu. Diilhamkan oleh Deklarasi Kuala Lumpur di Forum Bandar Dunia ke-9, Pelan Struktur KL 2040 bertujuan untuk mengubah Kuala Lumpur menjadi bandar raya untuk semua.

"Seperti yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada mesyuarat ASEAN + China pada Jun tahun ini, kita mesti memastikan bahawa bandar kita adalah tempat yang sesuai untuk didiami, inklusif dan masa hadapan.

"Kita memerlukan pembangunan kerana bandar raya mesti sentiasa dibangunkan dan perlu konsisten dalam memenuhi keperluan warganya dan semua orang yang datang ke sini setiap hari dan setiap jam untuk masa depan bandar yang lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Program Syarahan Datuk Bandar, Clarion Call: Creative Solutions Today for A Liveable Tomorrow di

Menara DBKL pada Selasa.

Menurut Maimunah, pihaknya akan menumpukan kepada isu perubahan iklim, daya tahan dan keperluan untuk hidup dalam persekitaran berikutan ketika ini bandar raya ini turut mengalami pencemaran udara, udara dan tanah sekali gus menyebabkan peningkatan terhadap masalah kesihatan.

"Sebagai Penasihat kepada Presiden COP29, saya telah menyokong tindakan tempatan yang lebih besar untuk melaksanakan matlamat iklim. Sepanjang tempoh saya di Kuala Lumpur, saya ingin memastikan tiada kawasan *green lung*, kawasan tadahan air dan kawasan lapang awam yang dinyahwartakan.

"Di DBKL, kami komited terhadap peralihan tenaga dan bekerja keras untuk melaksanakan Pelan Induk Tenaga Kuala Lumpur. Saya juga memperkenalkan Sisa Sifar sebagai program utama bandar untuk menyelesaikan usaha pembersihan serta penting untuk kita menghubungkan semua kawasan hijau yang terbuka berikutan mempunyai peluang untuk memelihara hutan hujan di tengah-tengah Kuala Lumpur," katanya.

Maimunah berkata beliau turut akan menumpukan usaha membasmi kemiskinan kerana memastikan Kuala Lumpur menepati reputasinya sebagai bandar raya maju yang inklusif.

"Seperti yang saya ceritakan kepada rakan sekerja saya, saya berasal daripada keluarga penoreh getah dan arwah abang saya terpaksa meninggalkan rumah pada usia yang sangat muda untuk mencari rezeki menyara keluarga di Kuala Lumpur.

"Jadi, saya tahu betapa

pentingnya mengukuhkan jaringan keselamatan sosial kita. Salah satunya adalah perumahan awam dan yang lebih penting, menyediakan persekitaran hidup yang selamat untuk keluarga muda serta peluang berjuang untuk berjaya dalam hidup," katanya.

Beliau turut berhasrat untuk menyokong Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan perumahan kepada golongan miskin dan membantu mereka yang kehilangan tempat tinggal keluar daripada gelandangan.

"Kita perlu memastikan untuk membina perkongsian baharu ekuiti, empati dan bantuan diri dengan komuniti Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam.

"DBKL juga sedang bekerjasama dengan Program K2K Think City di tujuh kejiranan PPR dan PA dan saya berharap dapat meningkatkan ini kepada 30 penempatan. Begitu juga dengan usaha untuk menetapkan gelandangan dan mengubah penjaja kita kepada kualiti hidup yang lebih baik," katanya.

Menurut Maimunah, beliau dan pasukannya turut berikrar untuk mengukuhkan pendekatan komunikasi strategik DBKL khususnya melalui pelan komunikasi krisis yang boleh diambil tindakan.

"Sistem pengurusan aduan awam yang berkesan adalah penting untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan sokongan awam. Dengan menggunakan pendekatan yang lebih responsif, DBKL berhasrat untuk menangani aduan secara telus dan cekap, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan akauntabiliti," katanya. 

PM arah fokus lima perkara

MENJELANG tahun Kepengerusan ASEAN 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk memberikan tumpuan terhadap lima perkara utama bagi meningkatkan imej negara sepanjang tahun berkenaan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata beliau telah diminta Perdana Menteri untuk menaik taraf khususnya imej ibu negara menerusi lima perkara yang perlu diberi tumpuan sepenuhnya menjelang tahun 2025.

"Antara perkara yang disentuh adalah berkenaan infrastruktur dan saya juga memohon kepada semua untuk bersama dengan DBKL terutamanya mengindahkan bandar raya dari aspek landskap dan penghijauan termasuk 37 buah hotel yang akan terlibat secara terus dengan ASEAN untuk memberikan tumpuan terhadap perkara berkenaan.

"Selain itu, hotel yang lain juga akan turut mendapat limpahan yang sama dan turut diminta memberi sokongan dari segi landskap dan kebersihan hotel serta kawasan sekitar," katanya ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Anugerah Khas Datuk Bandar Kuala Lumpur sempena Pencapaian Bangunan Bandar Raya Kuala Lumpur di ibu negara pada Selasa.

Maimunah berkata Perdana Menteri turut meminta DBKL bekerjasama dengan semua pihak termasuk pemilik bangunan dalam aspek pencahayaan sekali gus menyerlahkan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang *vibrant*.

"Bangunan tersebut merangkumi komersial, residensi selain turut menyeru semua penghuni bangunan untuk turut sama dalam aspek pencahayaan bagi menyerlahkan lagi imej Kuala Lumpur.

"Yang ketiga adalah bahagian infrastruktur dan pihak DBKL sendiri harus memastikan di sekitar ibu kota tidak ada *pot hole*, permukaan jalan raya mestilah diturap dan menangani isu banjir

serta infrastruktur bandar," katanya.

Beliau memohon kepada semua pihak untuk turut mempromosikan ASEAN dan Kementerian Luar Negeri akan menyediakan peralatan promosi seperti bendera ASEAN yang perlu digunakan untuk mempromosi dan meraikan tahun Kepengerusan ASEAN serta meningkatkan tahap perkhidmatan sedia ada bagi menjulang imej negara.

"Semua pihak perlu meningkatkan perkhidmatan khususnya kepada delegasi antarabangsa, termasuk di bandar-bandar lain yang menjadi tumpuan mesyuarat ASEAN berikutan kira-kira 250 program sepanjang tahun tersebut mendapat perkhidmatan terbaik daripada pemain industri dalam negara," katanya.

Dalam pada itu, sebanyak 50 bangunan telah dinilai di bawah Kategori Pencahayaan bangunan, termasuk kategori Bangunan Bersejarah, Bangunan Teknologi Inovatif, Bangunan Ikonik, Bangunan Hotel dan Pangsapuri Perkhidmatan Bangunan Komersial, Pusat Beli-Belah, Bangunan Institusi dan Bangunan Kerajaan.

Daripada jumlah tersebut, 31 bangunan menerima Anugerah Khas Pencahayaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Menara Berkembar Petronas mengungguli dua kategori iaitu pemenang Kategori Teknologi Inovatif dan Kategori Bangunan Ikonik.

Majlis Anugerah Khas Datuk Bandar ini turut menobatkan beberapa bangunan sebagai pemenang utama mengikut kategori masing-masing.

Antara pemenang kategori Hotel dan Pangsapuri Perkhidmatan, Equatorial Plaza; pemenang kategori Komersial, Pavilion KL; pemenang kategori Pusat Beli-Belah, Sungei Wang Plaza; pemenang kategori Bersejarah; Muzium Negara; pemenang kategori Bangunan Kerajaan, Menara Kerja Raya dan pemenang kategori Institusi, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). 



MAIMUNAH (kanan) melihat imej bangunan-bangunan yang menyertai Program Pencahayaan Bangunan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



SEKITAR Majlis APC anjuran YWP yang diadakan di Rumah Puspanita Dewan Tun Dr Siti Hasmah, Kuala Lumpur pada Ahad.

YWP suntik semangat untuk berjaya

RAI 300 PELAJAR CEMERLANG

BAGI meningkatkan motivasi dan semangat pelajar untuk terus berjaya, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menganjurkan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) baru-baru ini.

Seramai 300 pelajar yang terdiri daripada anak-anak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diraikan pada majlis yang turut mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL).



IDA HARLINA

Disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi YWP, Dr Zaliha Mustafa, pelajar yang terlibat menerima anugerah berupa wang tunai RM300 berserta sijil penghargaan.

Menurut Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Strategik & IT YWP, **Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir**, majlis tersebut meraihan 131 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajar Malaysia (SPM), 150 pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan 19 kategori orang kurang upaya (OKU) SPM (pembelajaran, penglihatan, pendengaran dan fizik).

“Selain daripada APC, kita turut mengadakan sesi penyerahan Skim Biasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Skim Bantuan Awal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Skim Biasiswa Sekolah Menengah.

“Pemberian APC dan biasiswa bertujuan untuk menggalakkan penerima belajar dengan lebih tekun seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

“Objektif kami adalah untuk melahirkan belia yang berilmu yang dapat mengubah taraf hidup mereka dari sebelum ini bukan pembayar zakat, selepas ini mereka pula mampu membayar zakat,” katanya.

Mengulas lanjut, Ida Harlina berkata syarat mendapatkan bantuan di YWP adalah keluarga yang berpendapatan per kapita

RM1,000 ke bawah.

“Ramai yang terkeliru dan mempersoalkan mengenai perkara itu. Katakan sebuah keluarga menjana pendapatan RM5,000 sebulan, keluarga itu mempunyai tiga orang anak dan ibu bapa. Apabila dibahagi lima bermakna seorang jatuh RM1,000 itulah yang dimaksudkan dengan pendapatan per kapita.

“Jadi mereka layak untuk memohon biasiswa dan skim bantuan persekolahan,” ujar beliau.

Dalam pada itu, YWP turut mengalu-alukan sumbangan daripada individu atau syarikat korporat dalam usaha meningkatkan taraf hidup warga kota.

“Sumbangan boleh disalurkan ke Tabung Pendidikan Kebajikan

& Pelajaran YWP di CIMB Bank (8001103675) atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP,” katanya.

Terdahulu, pada majlis tersebut sejumlah RM457,000 diagihkan kepada 429 pelajar yang terlibat.

Turut hadir Lembaga Pemegang Amanah YWP, Mohd Mustafa Hazanfar; Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar DBKL selaku wakil Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ahmad Tarmizi Baharom; Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran, JPWPKL, Abdul Aziz Md Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Kampong Bharu, Dr Amir Raslan Abu Bakar. **11**

Warisan seni Mek Mulung

BAGI menyemarakkan lagi kesenian Mek Mulung yang tersenarai sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara Yang Memerlukan Perlindungan Segera, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) menganjurkan Program Lestari Budaya: Pementasan Karya Agung Teater Tradisional Mek Mulung Putera Cahaya Bulan Siri 1 baru-baru ini.

JKKN berkata tujuan pementasan ini diadakan adalah untuk melestarikan kesenian tradisional yang telah mendapat pengiktirafan UNESCO.

“Ini bagi menyemarakkan seni teater tradisional Mek Mulung, memelihara dan memperkasa warisan budaya Melayu, menyediakan platform

kepada penggiat seni untuk mempersembahkan bakat mereka serta menggalakkan penyelidikan dan kajian lanjut mengenai teater tradisional Mek Mulung.

“Ia juga adalah usaha untuk menyemarakkan kesenian tersebut kepada pelbagai lapisan masyarakat sama ada dalam bentuk keilmuan atau siri-siri pementasan,” katanya dalam kenyataan.

Jelasnya pementasan pada kali ini memaparkan pergolakan kisah Putera Cahaya Bulan, Puteri Nang Mara dan Raja Gergasi.

“Perjalanan kisah mereka yang pasti mengusik emosi penonton hasil garapan pengarahannya oleh Mohd Yusuf Azizan dan antara artis yang terlibat adalah Saiful Wazein



MEK Mulung merupakan warisan budaya turun-temurun sejak zaman Kedah Tua.

Mohamad Jelani, Shamsul Nadia Zulkifli, Hairi Safwan, Che Mat Raja Lawak, Din Latah, Kumpulan Kesenian JKKN, Kumpulan Mek Mulung Wang Tepus Kedah.

“JKKN menjalin kerjasama strategik bersama UiTM Shah Alam menganjurkan simposium sebagai batu loncatan untuk membicarakan

secara akademik kesenian Mek Mulung dalam kalangan pendidik dan pelajar dalam bidang seni budaya.

“Antara objektif pelaksanaan adalah untuk melihat masa depan kesenian Mek Mulung meniti arus pembangunan dan kemodenan negara, menilai tahap kefahaman dan penghayatan masyarakat untuk

terus memelihara kesenian Mek Mulung.

“Simposium ini menghimpunkan pembentang kertas kerja daripada pentadbir budaya, karyawan seni, ahli akademik dan penggiat seni yang mengupas dan membicarakan tentang kesenian Mek Mulung,” ujarnya. **11**

SISI INDAH SEBUAH KENANGAN



KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA sangat suka cara komposer M Nasir menjawab soalan seorang juruhebah yang bertanya tentang pengalaman masa susah di Kuala Lumpur seperti beberapa artis lain yang terpaksa makan mi segera. M Nasir berkata, beliau melalui semua itu, tetapi beliau tidak faham adakah semua itu satu kesusahan?

Lebih menarik lagi M Nasir tidak menganggap yang dilalui itu sebagai satu kesusahan. Sebaliknya itu sebagai suatu yang dilalui sahaja. Saya faham jawapan ringkas itu malah amat setuju bahawa begitulah sesuatu yang bernama kehidupan.

Sama seperti kanak-kanak sekolah yang terpaksa menggalas beg buku yang berat. Memanglah memeritkan dengan keupayaan mereka yang masih kanak-kanak. Tetapi itulah pengalaman hidup yang dilalui. Sesuatu yang dianggap pahit menjadi manis ketika mereka memahami nilai kenangan seperti itu.

Malah mungkin dicemburui oleh anak-anak orang berada yang tidak pernah mengutip pengalaman yang menjadi kenangan manis setelah dewasa. Anak-anak orang berada tidak ada pengalaman menggalas beg berat, semuanya dilakukan oleh pembantu yang digaji oleh keluarganya.

Disebabkan hal itulah kenangan menjadi terlalu berharga hingga tidak ada yang mampu membelinya. Kekayaan hanya boleh membeli sesuatu yang bersifat benda. Tetapi tidak boleh membeli suatu yang tersimpan pada satu sudut istimewa di jiwa yang disebut sebagai kenangan.

Dalam kalangan teman-teman juga pernah bertanya saya tentang kenangan pahit di Kuala Lumpur. Bagaimanapun saya selalu mengatakan bahawa semuanya



KENANGAN diibaratkan seperti saat hujan mencurah ke bumi. – Gambar hiasan

manis belaka. Tidak ada kenangan pahit yang dilalui sekalipun sudah empat dekad menjadi warga kota.

Banyak yang tidak percaya, masakan dalam masa yang begitu lama tidak ada kenangan pahit seperti teman-teman lainnya pada zaman muda dulu. Saya hanya melalui semua yang semestinya dilalui oleh orang lain. Malah mereka tahu keadaan saya ketika awal bekerja dulu yang selalu tidak cukup belanja untuk sampai ke hujung bulan.

Hal itu bukanlah satu rahsia, malah begitulah kehidupan anak muda yang bukan elit dekad 1980-an. Tetapi semua itu adalah pengalaman yang dilalui pada suatu waktu yang kini menjadi kenangan yang indah. Ia menjadi indah kerana nilai pengalaman itu.

Semua yang dilalui itu adalah peristiwa yang memberikan pengalaman hidup yang tidak

ternilai. Disebabkan itu semuanya menjadi manis sebagai bahan kenang-kenangan tatkala kita menoleh masa lalu yang jauh di belakang.

Maka terbuktilah yang pahit itu adalah rentetan peristiwa yang mungkin pada saat itu mendatangkan sedikit rasa tidak senang. Bagaimanapun saat ditanggapi sebagai kenangan pula, semua itu menjadi amat manis. Apa lagi dikenang berpuluh tahun kemudian, pada saat kita sudah meninggalkan jauh rasa pahitnya.

Kita meraih rasa bahagia dengan segala rentetan peristiwa dan pengalaman yang dilalui pada masa lampau. Sebenarnya masa boleh mengubah segalanya bukan sahaja muka bumi tetapi juga pengalaman yang dilalui. Pengalaman pahit menjadi kenangan manis apabila berada pada masa yang jauh di depan.

yang menumpang pengalaman teman-teman seperti itu dengan rasa yang amat bersyukur kerana berada dalam keadaan lebih baik berbanding mereka.

Teman-teman saya di Kuala Lumpur bukan sahaja dalam kalangan wartawan, malah banyak juga seniman sepenuh masa yang 'ada kerja ada gaji'. Mereka menyanyi di tepi-tepi jalan siang dan malam untuk mendapat upah yang tidak menentu jumlahnya.

Dalam kalangan wartawan pula, banyak juga yang bekerja di syarikat surat khabar kecil yang menerbitkan tabloid mingguan bercorak politik. Suatu hal yang perlu diketahui juga bahawa politik itu ada musim tertentu. Maka banyaklah teman saya yang terkesan dengan jualan surat khabar merudum di luar musim politik.

Tetapi semua yang dilalui itu bukanlah pengalaman pahit atau susah. Semua itu adalah pengalaman yang amat berharga untuk satu jangka masa yang jauh di depan. Malah bukan semua orang diberi peluang melalui pengalaman yang begitu tinggi nilainya.

Disebabkan hal itu juga banyak dalam kalangan teman tidak pernah merungut atau menanggapi keadaan yang dilalui dengan kecewa atau putus asa. Saya dan mereka menjalani kehidupan seperti biasa dan seadanya. Bagaimanapun masa yang sama terus mencari peluang untuk menambatkan pendapatan.

Semua itu adalah yang sepatutnya dilalui itu dan diterima dengan hati yang terbuka, tanpa menganggap suatu yang pahit. Kini semuanya menjadi kenangan sekali gus pengalaman yang penuh warna-warni. Sememangnya kemanisan itu amat jarang difikir ketika melalui pengalaman itu suatu waktu dulu.

Kepada anda yang sudah lama merantau ke Kuala Lumpur, apakah

suatu peristiwa yang dilalui dan tidak pernah dilupakan hingga saat ini? Saya percaya banyak dalam kalangan kita mempunyai kenangan, tidak kiralah yang membahagiakan atau sebaliknya. Sebenarnya yang dirasakan pahit itu adalah peristiwa dan yang manis itu adalah kenangan.

Kenangan adalah bahagian integral dari kehidupan manusia. Hal itu sesuatu yang berharga, indah dan yang penting kenangan yang terlahir dari pengalaman itu berperanan besar dalam membentuk kematangan setiap individu. Tidak kurang juga mempengaruhi pola fikir, tindakan dan perasaan.

Kenangan melibatkan hal-hal perasaan seperti kebahagiaan, kesedihan, kekecewaan bahkan trauma. Dalam sejarah hidup setiap individu, kenangan menjadi titik penting yang menandakan perubahan besar yang berlaku pada garis masa kematangan dalam diri.

Maka semua peristiwa pahit atau manis yang berlaku itu adalah satu anugerah yang dituai hasilnya yang manis pada masa depan. Kenangan yang dinikmati dua atau tiga dekad kemudian itu adalah hasil daripada sikap kita terhadap sesuatu pengalaman.

Hakikatnya tidak semua orang memiliki kekayaan akan tetapi tetap ada kenangan yang terpahat di jiwa. Itu adalah harta yang menghubungkan masa lalu dan saat kini. Malah itulah juga cacatan harian yang dibaca semula pada saat pemikiran kita didewasakan oleh pengalaman.

Kalau disimpulkan pada satu perenggan, kenangan itu adalah seperti saat hujan yang mencurah ke bumi. Selepas berdekad dipisahkan oleh garis waktu, maknanya pun berubah. Ternyata yang jatuh itu bukan lagi tetes hujan, tetapi kuntum ingatan masa lalu yang indah dan berguguran di halaman masa kini.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 286 . 1-7 NOVEMBER 2024

BUKTI MAKIN PANAS

»»10-11

WARGA EMAS BERISIKO TINGGI

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

STROK haba dikenal pasti sebagai salah satu penyakit paling berbahaya dalam kategori penyakit berkaitan kepanasan atau *Heat-Related Illness* yang boleh membawa maut jika tidak dirawat segera.

Berdasarkan rekod, pada suku pertama tahun 2024, terdapat 45 kes penyakit berkaitan kepanasan di Malaysia dengan dua kematian akibat strok haba dan beberapa mangsa juga mengalami komplikasi serius yang memerlukan rawatan intensif di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Menurut Doktor Pakar Perubatan Swasta, **Dr Ahmad Samhan Awang**, rawatan awal amat penting dalam menangani strok haba iaitu dengan menyejukkan badan mangsa secepat mungkin terutamanya menggunakan ais.

“Selain itu, rawatan awal yang boleh dilakukan oleh ahli keluarga atau sesiapa sahaja yang pertama

menemui mangsa strok haba adalah dengan memindahkan mangsa ke tempat yang sejuk, menanggalkan pakaian, menggunakan kipas atau semburan air serta meletakkan ais di badan mangsa jika ada.

“Lagi cepat mangsa disejukkan, lagi tinggi kadar sembuh dan risiko kematian atau komplikasi juga akan berkurang.

“Walaupun, bagaimanapun, masalah utama ialah kebanyakan mangsa tiba di hospital dalam keadaan yang sudah kritikal atau *eleventh hour* di mana rawatan

tidak lagi memberikan banyak kesan kepada mangsa,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai agar segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan jika terdapat gejala seperti sakit kepala, keletihan, lemah tempuan, pening, lemah otot atau kekejangan serta mual atau muntah.

“Tanda-tanda lain akibat dehidrasi teruk adalah seperti kekeliruan dan tidak sedarkan diri iaitu koma,” ujarnya.

Samhan berkata strok haba adalah sebahagian daripada spektrum penyakit berkaitan haba yang merangkumi beberapa tahap daripada paling ringan hingga paling berbahaya.

“Kategori penyakit berkaitan kepanasan atau *Heat-Related Illness* terdiri daripada beberapa peringkat iaitu *Heat Edema* (sembap kaki), *Prickly Heat* (ruam panas), *Heat Cramp* (kekejangan), *Heat Syncope* (pitam), *Heat Exhaustion* (keletihan haba) dan yang paling berbahaya ialah strok haba yang boleh membawa maut.

“Strok haba biasanya berlaku apabila tubuh tidak mampu mengeluarkan haba secara efektif akibat terdedah kepada suhu tinggi

untuk jangka masa yang lama.

“Apabila seseorang itu mengalami strok haba, suhu badan melonjak melebihi 40 darjah Celsius selain menunjukkan tanda-tanda seperti muka merah dan kulit kering tanpa peluh.

“Paling ketara ialah kesedaran yang merosot ditambah gejala lain seperti pening, sakit kepala, muntah, sawan dan kekejangan serta mangsa mungkin juga akan berjalan terhuyung-hayang dan menunjukkan tanda-tanda seakan-akan strok biasa tetapi dalam kes ini badan mereka terlalu panas,” ujarnya.

KENAL PASTI LALUAN SALURAN DARAH

STROK haba berisiko untuk terjadi kepada semua orang sekiranya seseorang itu terdedah kepada persekitaran panas melampau tanpa mengira tahap kesihatan diri seseorang.

Beliau berkata golongan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti, bagaimanapun lebih berisiko mendapat strok haba.

“Warga emas lebih berisiko tinggi kerana biasanya mereka mempunyai pelbagai penyakit yang membuatkan mereka lebih sensitif dan mekanisme pengeluaran peluh atau kawalan suhu badan tidak lagi cekap.

“Strok haba adalah satu kecemasan perubatan yang boleh berlaku secara pantas dan langkah segera perlu diambil untuk mengurangkan suhu badan bagi mengelakkan mangsa mengalami kondisi yang lebih serius seperti kegagalan fungsi otak, sawan dan yang paling serius mendatangkan maut.

“Antara langkah segera yang boleh diambil adalah meletakkan tuala basah di atas kepala, bawah ketiak, tepi paha serta tengkuk mangsa selain memindahkan mangsa ke tempat yang lebih sejuk dan redup.

“Tempat-tempat terabit adalah laluan saluran darah besar dan meletakkan tuala basah akan mempercepatkan proses alihan haba dalam badan dan seterusnya mengurangkan suhu teras badan,” ujarnya.

Sementara itu, Samhan turut berkongsi langkah-langkah yang boleh mengelakkan kanak-kanak daripada terkena strok haba.

“Ibu bapa perlu memastikan kediaman mempunyai aliran udara yang baik bagi mengelakkan anak tersedut karbon dioksida terlalu banyak. Pasangkan kipas angin kerana ia mampu menurunkan risiko kematian bayi atau kanak-kanak secara mengejut sebanyak 72 peratus mengikut kajian.

“Laraskan suhu penyaman udara kepada 24 darjah Celsius kerana ia mampu mengoptimumkan suhu badan kanak-kanak berusia dua tahun ke atas. Jangan sesekali memakaikan anak dengan pakaian terlalu tebal atau ketat.

“Berikan anak minum air putih dengan kerap walaupun dia tidak mengadu dahaga dan sediakan mereka dengan makanan yang banyak air atau sup,” ujarnya.

Beliau turut mengingatkan ibu bapa tidak membiarkan anak mereka tidur menggunakan selimut.

“Sekiranya anak anda mengadu kepanasan, segera bantu mereka turunkan suhu dengan mengelap muka dan badan menggunakan kain yang basah.

“Bagi mengurangkan risiko strok haba, orang ramai dinasihatkan tidak melakukan aktiviti luar terutamanya semasa gelombang haba dan melakukan aktiviti pada

waktu yang kurang panas seperti pagi atau petang.

“Selain itu, orang ramai juga boleh memakai pakaian yang nipis, longgar, memilih warna yang tidak menyerap haba serta disaran untuk minum air sebanyak mungkin walaupun tidak dahaga dan elakkan minuman yang beralkohol sebelum atau semasa melakukan aktiviti luar.

“Strok haba juga boleh terjadi kepada bayi dan warga emas terutama jika terdedah secara terus kerana sistem penyejukan badan mereka kurang berfungsi dengan baik dan tubuh mereka tidak dapat mengawal suhu dengan baik.

“Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan tip penjagaan kesihatan seperti mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah seperti bersukan atau bekerja di tempat terbuka terutama pada waktu tengah hari,” ujarnya. 

ANGGARAN KUANTITI AIR DIPERLUKAN TUBUH MANUSIA KETIKA PENINGKATAN SUHU

KILOGRAM	LITER
50	2.1
60	2.5
70	2.9
80	3.5
90	3.9
100	4.3

Segera dapatkan bantuan/hubungi 911 sekiranya simptom melarat/tidak terkawal.

Bertindak segera sejukkan tubuh pesakit sehingga bantuan tiba.




Usah terpedaya mitos

G E L O M B A N G haba ialah tempoh cuaca terik yang berpanjangan di mana MetMalaysia menunjukkan bahawa kewujudan suhu pada 35°C hingga 37°C selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut boleh dikategorikan sebagai gelombang haba.



MOHD NURFAIZ

Tahap 1 dan jika kelembapan tahap tinggi berlaku pada masa yang sama, cuaca akan menjadi lebih panas.

Cuaca panas melampau boleh mendatangkan pelbagai risiko kesihatan dan bagi mereka yang tidak biasa dengan cuaca sebegini lebih cenderung mengalami keletihan akibat haba atau strok haba kerana badan terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan suhu yang mendadak.

Cakna dengan risiko yang boleh memudaratkan kesihatan diri dan juga orang tersayang membuatkan ramai mula mengambil langkah waspada namun adalah penting untuk kita mempunyai pengetahuan asas sains dan perubatan agar tidak terpedaya dengan mitos atau setiap

info yang disebarkan menerusi media sosial.

Menurut Doktor Perubatan di Jabatan Kecemasan Hospital Pantai Pulau Pinang, **Mohd Nurfaiz Mohd Nasir**, memahami fakta tentang strok haba ini boleh membantu untuk kekal selamat semasa cuaca terlampau panas.

“Justeru orang ramai perlu berwasapada tentang mitos-mitos strok haba yang membawa kepada salah tanggapan dan amalan yang boleh mendatangkan bahaya dan kemudaratan terhadap diri.

“Antara mitos yang popular di Internet adalah strok haba hanya berlaku di rumah sedangkan ia boleh berlaku di mana-mana. Sebagai contoh ruang pengudaraan yang buruk atau tidak berhawa dingin juga boleh menyebabkan strok haba.

“Seterusnya, minum air sejuk boleh menyebabkan strok haba walhal penghidratan adalah penting dalam mencegahnya dan suhu air tidak akan menyebabkan strok haba malah air sejuk dapat membantu menyejukkan badan

serta tiada bukti yang menunjukkan bahawa meminum minuman berair semasa cuaca panas menyebabkan saluran darah pecah.

“Mitos ketiga pula adalah berpeluh bermakna anda tidak terlalu panas. Umum mengetahui berpeluh adalah mekanisme badan untuk menyejukkan badan. Walau bagaimanapun, peluh berlebihan semasa cuaca panas yang melampau boleh menyebabkan dehidrasi, faktor utama yang membawa kepada strok haba,” katanya.

Dalam pada itu, The Conversation melaporkan bahawa purata pendedahan gelombang haba pada tahun 2010-an adalah lebih daripada 40 peratus lebih besar dalam kalangan golongan miskin berbanding dalam orang terkaya dan mereka yang melakukan kerja fizikal lebih terdedah kepada penyakit berkaitan strok haba manakala mereka yang berpendapatan rendah pula, rumah mereka mungkin tidak dilengkapi dengan sistem penyejukan untuk melindungi daripada haba.

Antara mitos lain yang popular adalah mandi air sejuk serta-merta semasa berpeluh boleh menyebabkan seseorang itu



pengsan secara tiba-tiba namun tiada bukti saintifik yang dapat mengesahkan atau menyokong kenyataan tersebut.

Selain itu, terdapat mitos di mana minum air suam atau panas lebih baik semasa hari panas namun tiada bukti saintifik yang menyokong dakwaan bahawa minum air suam atau panas adalah lebih baik daripada air sejuk semasa hari panas.

Walaupun bagaimanapun, seseorang itu perlu mengurangkan minuman berkafein seperti kopi, teh, minuman kola, minuman manis dan makanan masin berikutan ia akan menyebabkan kekerapan membuang air dan boleh mengganggu hidrasi tubuh.

Seelok-eloknya kita perlu mempraktikkan minum enam hingga lapan gelas air kosong

sehari yang menyamai 1.5 hingga dua liter namun ia juga bergantung kepada berat dan juga ketinggian individu tersebut.

Secara kesimpulannya, susah untuk kita hentikan penyebaran mitos yang sudah tersebar luas. Maka jadilah seseorang yang peka terhadap asas sains serta perubatan supaya tidak terjebak dalam menyebarkan maklumat tidak benar di laman sosial dan adalah penting untuk merujuk kepada sumber yang boleh dipercayai dan disokong oleh bukti saintifik mengenai maklumat berkaitan kesihatan. Pendapat peribadi atau anekdot tanpa asas saintifik yang betul boleh mengelirukan dan merbahaya. Jika ada sebarang keraguan, rundinglah dengan organisasi atau profesional kesihatan yang bereputasi.

Catatan ‘panas’ 2024

2 FEBRUARI - Kes kematian pertama akibat strok haba direkodkan di Pahang di mana ia melibatkan seorang anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang sedang menjalani latihan di Bandar Jengka, Maran.

9 MAC - Seorang anggota APM Pulau Pinang dilaporkan rebah ketika sesi larian dijalankan di Port Dickson dan dilaporkan koma sejak kejadian. Selepas 44 hari menjalani rawatan di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Allahyarham disahkan meninggal dunia akibat strok haba.

26 MAC - Satu lagi kes strok haba dilaporkan melibatkan seorang lelaki berumur 22 tahun dan telah dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Maliha, Langkawi dan telah dipindahkan ke wad biasa serta dilaporkan stabil.

1 APRIL - Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun menjadi mangsa pertama strok haba di Kelantan. Mangsa mengalami muntah-muntah sebelum ditemui tidak sedarkan diri semasa bermain di dalam kereta datuknya. Kanak-kanak tersebut disahkan meninggal dunia semasa menerima rawatan susulan di ICU Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) bermula 29 Mac 2024.

27 MEI - Seorang kanak-kanak berusia 11 tahun dilaporkan

dikejarkan ke hospital selepas dipaksa berdiri di bawah sinar matahari dari pukul 10 pagi hingga 12.50 tengah hari. Setelah rawatan, Hospital Ampang mengeluarkan surat rujukan yang mana kanak-kanak tersebut dinilai sebagai orang kurang upaya (OKU) akibat masalah kesihatan berkaitan saraf dipercayai akibat strok haba kesan berjemur selama tiga jam di tengah padang.


2 JUN - Seorang peserta Kursus Asas Pasukan Gerakan Am (KAPGA) Siri 1/2024 di Pusat Latihan PGA

(PLPGA) Ulu Kinta rebah ketika mengikuti kursus asas pasukan itu dan disahkan meninggal dunia pada keesokannya akibat strok haba dan kegagalan organ.

26 OGOS - Seorang lelaki berusia lingkungan 20-an yang menyertai program larian di sekitar Teluk Chempedak ditemui tidak sedarkan diri di kawasan laluan trek pejalan kaki Hutan Bukit Pelindung. Mangsa dimasukkan ke ICU dan telah disahkan meninggal dunia akibat *heatstroke with multi organ failure*.

El Nino

Keamatan El Nino merujuk kepada suhu permukaan laut di kawasan tengah dan timur Lautan Pasifik:




Berlaku setiap **2 - 7 TAHUN**

• Boleh berlarutan bagi tempoh:



• Biasanya mula terbentuk pada pertengahan tahun, berada di kemuncak pada awal tahun berikutnya dan menjadi lemah menjelang penghujung tahunnya.

Suhu permukaan laut di tengah dan timur Lautan Pasifik sekitar Khatulistiwa mengalami pemanasan.



Kesan kepada negara-negara Asia Tenggara termasuk **Malaysia** dan **Australia** boleh menyebabkan keadaan cuaca lebih kering daripada kebiasaan.



STROK HABA

Apa itu strok haba?

- Strok haba berlaku apabila sistem tubuh badan tidak dapat mengawal suhu secara normal.
- Badan alami kenaikan suhu mendadak dan kegagalan berpeluh.
- Boleh mengakibatkan kematian/hilang keupayaan kekal.

LANGKAH BERJAGA-JAGA BAGI ELAK STROK HABA

ANTARA SIMPTOM STROK HABA:

- Sakit kepala berdenyut-denyut
- Badan tidak berpeluh
- Suhu badan **melebihi 39°C**
- Kulit kering dan kemerah-merahan
- Loya dan muntah
- Nadi berdenyut laju
- Pitam
- Hilang fokus
- Lidah bengkak
- Tekanan darah rendah

Langkah berjaga-jaga:

- Minum air mencukupi.
- Elak senaman yang sukar dan tidak perlu.
- Berada di kawasan nyaman dan redup.
- Pakai pakaian longgar, ringan dan bersesuaian.
- Kurangkan kafein, alkohol dan gula.
- Berada di kawasan lebih sejuk/dilengkapi penyaman udara.
- Mandi air sejuk.
- Lap/tuam dengan tuala lembap.

SEKIRANYA TERDAPAT SIMPTOM STROK HABA, SEGERA

BILA TERDEDAH KEPADA CUACA PANAS YANG EKSTREM, ANDA BOLEH MENDAPAT 'KELESUAN HABA' (HEAT EXHAUSTION) ATAU LEBIH TERUK, 'STROK HABA' (HEAT STROKE)

KELESUAN HABA (heat exhaustion)	VS	STROK HABA (heat stroke)
Suhu badan 37-40°C		Suhu badan melebihi 40°C
Tidak menjejaskan fungsi otak		Fungsi otak terjejas
Denyutan jantung laju		Percakapan terjejas
Pening atau sakit kepala		Mental terganggu
Loya atau muntah		Koma
Letih dan lemah		Sawan
Berpeluh		Tiada peluh

SILA DAPATKAN RAWATAN SEGERA SEKIRANYA MENGALAMI TANDA-TANDA INI!



ANTARA barangan jualan yang menjadi tumpuan di Little India.

Pesta Cahaya Little India

SHUAIB AYOB

DEERPAVALI atau Diwali disambut pada hari ke-14 bulan Aipasi dalam kalendar Tamil antara Oktober dan November. Pada tahun ini ia jatuh pada 31 Oktober (Khamis) lalu dan disambut dengan penuh kemeriahan oleh masyarakat India.

Bagi penganut Hindu, Pesta Cahaya yang disambut dengan pelita adalah simbolik melambangkan kejayaan kebaikan mengatasi kejahatan. Ia berdasarkan legenda yang diturunkan kepada mereka mengenai Raja Narakasura dan Dewa Krishnan.

Menjelang sambutan Pesta Cahaya tersebut baru-baru ini, lokasi tumpuan seperti Little India, Brickfields dibanjiri orang ramai yang sibuk membuat persiapan antaranya membeli pakaian baharu, menyediakan bahan-bahan untuk hiasan lantai rumah (kolam) yang diperbuat daripada beras selain mendapatkan kuih-muih tradisional seperti adivasam selain manisan.

Lensa Wilayahku berkesempatan mengabadikan potret menarik sekitar kemeriahan menjelang sambutan tersebut untuk tatapan pembaca. Vanakkam kepada semua penganut agama Hindu. 





SARI BATIK TARIK MINAT GEN Z

DEEL ANJER

BATIK merupakan warisan seni tekstil negara yang tinggi nilainya. Ia perlu dijaga supaya tidak lapuk dek zaman. Malah generasi muda hari ini perlu diberi pendedahan terhadap warisan ini agar ia dapat dihidupkan sepanjang hayat.

Menyedari peri penting perkara itu, maka usahawan yang juga pelakon **Bkay Nair** mengambil peluang untuk memartabatkan seni warisan tersebut pada pertunjukan fesyen Malaysian Heritage Showcase 2024 (MHS2024) yang bakal berlangsung bulan depan.

Menariknya elemen sari yang merupakan pakaian tradisional kaum India akan dihasilkan daripada tekstil batik bagi menghasilkan pakaian tradisional masyarakat majmuk di Malaysia.

Menurut Bkay, rekaan sari batik bertujuan untuk menarik minat golongan muda atau Generasi Z

(Gen Z) yang sukakan pembaharuan berbanding generasi terdahulu.

“Bukan sahaja penggemar pakaian tradisional yang sedia ada atau yang lebih berusia perlu diberi perhatian tetapi Gen Z pun sama pentingnya.

“Saya difahamkan, mereka suka sesuatu yang baharu, kalau kita suruh mereka pakai sari atau batik tradisional seperti yang biasa dilihat, mungkin susah sedikit. Tetapi jika kita tonjolkan sedikit elemen segar, ia boleh mencuri perhatian mereka.

“Jadi, kita perlu cipta sesuatu yang boleh membuatkan mereka rasa teruja. Anak-anak saudara saya semua generasi Z, jadi saya tahu mereka tak suka yang biasa-biasa. Mereka suka yang berbeza dan ada kreativiti,” ujarnya.

Mengulas lanjut tentang MHS2024, pemilihan batik pada pertunjukan anjuran Bkay Nair



Resources dengan sokongan Persatuan Pembangunan Perniagaan Fesyen Malaysia (PPPFM) akan datang mampu menghasilkan pelbagai jenis dan potongan fesyen mengikut kreativiti pereka.

Katanya, usaha memperkenalkan batik ke pentas lebih komersial ini mampu menjana pendapatan mereka yang terlibat dalam industri ini.

“MHS2024 juga bakal mengiktiraf dan menyediakan Anugerah Pereka Terbaik yang mula diperkenalkan sejak tahun lalu dalam menghargai usah pereka terbabit mengangkat warisan tekstil tempatan.

“Kami turut mendapat sokongan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dalam penganjuran kali ini yang mendapat penyertaan daripada pereka tempatan.

“Selain sari, pereka juga bakal menampilkan pelbagai rekaan menggunakan tekstil batik seperti baju dan gaun yang boleh digayakan dalam majlis khas mahupun untuk tujuan komersial dalam meraikan tradisi tempatan,” ulasnya.

Bkay yang juga Presiden PPPFM turut meluahkan rasa gembira dan bersyukur kerana akhirnya sebuah persatuan untuk peniaga fesyen di negara ini berjaya ditubuhkan

sekali gus memberikan amanah kepada dirinya untuk mengetuainya.

“Saya menghargai sokongan dan kepercayaan yang diberikan dan akan berusaha melakukan yang terbaik dalam usaha memastikan industri fesyen di negara ini terus berkembang.

“Pelbagai agenda juga sudah diatur termasuk bengkel dan sesi perbincangan bagi mengeratkan hubungan sesama pemain industri dalam bidang berkaitan serta mencari peluang menjalinkan usaha sama.

“Kami juga merancang untuk menghasilkan sebuah dokumentari penghasilan batik di Malaysia. Bukan sekadar mendekati pencanting batik di Pantai Timur, tetapi juga mengetengahkan mereka yang menghasilkan batik di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan banduan penjara Malaysia,” ujarnya.

KHIDMAT BANDUAN

APA yang menarik, Bkay atau nama sebenarnya Tryambikay Vengades mengangkat hasil kerja banduan serata penjara termasuk di Kajang dan Machang.

“Kelainan MHS2024 yang dijadualkan pada 23 November yang menjadi fokus utama ialah 6 Yards of Beauty di mana pakaian sari daripada tekstil batik iaitu antara warisan dan identiti negara kita.

“Saya dalam usaha mendapatkan hasil tangan batik daripada banduan di beberapa penjara negara ini sebagai sokongan dan tarikan memandangkan mereka turut menghasilkan batik yang sangat tinggi nilai seninya.

“Kenapa banduan? Mereka sebenarnya belajar di bengkel vokasional. Bila terjual semua kain ini akan masuk ke gaji mereka. Dalam masa sama, sebenarnya ramai yang tidak tahu ada butik dalam Penjara Kajang.

“Mereka (banduan) memang sudah mempunyai ilmu, jadi rekaan saya serahkan kepada mereka dan secara tidak langsung menjadikan mereka pereka fesyen,” katanya ketika sesi sidang media The Malaysia Heritage Showcase di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bkay juga menjelaskan bahawa, sudah ramai pihak yang menempah hasil rekaan banduan-banduan ini.

“Saya ada berurusan dengan pihak penjara melibatkan pemilihan kain dan sudah tentu perbincangan tentang pertunjukan fesyen yang bakal berlangsung.

“Saya sudah melihat sebahagian hasil kreativiti sari batik yang mereka hasilkan dan ia sangat mengagumkan. Setaraf pereka fesyen profesional.

“Apabila saya kongsi gambar-gambar batik tersebut, ramai yang ingin tempah dan beli. Ini terbukti rekaan fesyen atau sentuhan mereka sangat hebat,” ujarnya. 



TINGKAT kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang autisme. - Gambar hiasan



KEBELAKANGAN ini, Kerajaan MADANI melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meneruskan agenda memperkasakan golongan orang kurang upaya (OKU) melalui pelan strategi di bawah Dasar OKU dalam 15 bidang termasuk advokasi, kesihatan, pemulihan, aksesibiliti, pendidikan, pekerjaan dan penyelidikan.

Pelan strategi tersebut terus dilaksanakan dan dipergiatkan bagi memastikan golongan itu mendapat kesaksamaan hak dan peluang bagi penyertaan penuh dalam masyarakat.

Usaha memperkasakan golongan OKU dilihat menjadi agenda berterusan Kerajaan MADANI melalui pembentangan Belanjawan MADANI Ketiga yang dibuat baru-baru ini.

Selain bantuan perniagaan, pekerjaan, pendidikan, inisiatif percukaian dan kesejahteraan komuniti OKU, Belanjawan 2025 turut memperuntukkan secara khusus bagi kebajikan dan pendidikan anak-anak autistik untuk masa depan mereka yang lebih terjamin.

Pada keseluruhannya, inisiatif-inisiatif tersebut merangkumi beberapa aspek utama.

Dari segi bantuan dan pembiayaan perniagaan, kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan disediakan oleh agensi Kerajaan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang menawarkan pinjaman mikro sebanyak RM3.2 bilion untuk membantu penaja kecil termasuk golongan OKU.

TERUS PERKASA GOLONGAN OKU

Bagi pekerjaan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), majikan yang mengambil OKU bekerja akan diberi insentif sebanyak RM600 sebulan selama tiga bulan di bawah seliaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Dalam aspek pendidikan, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan untuk menyelenggara semua jenis sekolah, termasuk sekolah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah agama, sekolah tentera dan sekolah pendidikan khas untuk OKU, dengan tumpuan khusus pada memperbaiki bilik darjah yang uzur.

Bagi kebajikan dan pendidikan anak-anak autistik, kerajaan akan membina Pusat Anak Permata Negara (PERMATA) baru di setiap negeri, termasuk Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, dua sekolah untuk murid berkeperluan khas akan didirikan di Tuaran, Sabah dan Johor Bahru dengan kos RM300 juta di mana sekolah di Johor Bahru akan memberi fokus sepenuhnya kepada pendidikan untuk autistik.

Elaun Murid Berkeperluan Khas sebanyak RM150 sebulan akan terus disediakan untuk lebih 110,000 murid OKU, termasuk murid autisme, dengan peruntukan sebanyak

RM200 juta.

Bantuan Yuran Pembelajaran Anak Autisme sebanyak RM15 juta disediakan untuk meringankan beban ibu bapa, memanfaatkan 30,000 anak autisme.

Kerajaan juga akan menyalurkan sebanyak RM10 juta untuk membantu sekolah autistik swasta yang berdaftar melengkapkan kemudahan pembelajaran yang selesai.

Selain itu, pusat perkhidmatan autisme baru akan dibangunkan untuk manfaat komuniti autisme dengan peruntukan RM5 juta dan had pelepasan cukai untuk perbelanjaan rawatan dan pemulihan anak autisme akan meningkat kepada RM6,000 dari RM4,000.

KOMUNITI SEJAHTERA

BAGI kesejahteraan komuniti OKU, peruntukan bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meningkat kepada RM1.3 bilion berbanding RM1.2 bilion sebelumnya.

Syarat kelayakan gaji untuk menerima Bantuan Elaun Pekerja OKU dinaikkan kepada RM1,700 dari RM1,500. Kemudahan mesra OKU di seluruh IPTA juga akan diperbaiki dan Program Pemulihan Dalam

Komuniti untuk OKU akan diteruskan dengan peruntukan RM30 juta.

Tambahan lagi, dana sebanyak RM50 juta disediakan melalui Skim Sinar BSN untuk membantu OKU menceburi bidang perniagaan.

Dari segi inisiatif percukaian, beberapa langkah telah diambil. Pertama, pelepasan cukai tambahan bagi OKU dinaikkan kepada RM7,000. Kedua, pelepasan cukai tambahan bagi pasangan OKU dinaikkan kepada RM6,000. Ketiga, pelepasan cukai bagi pembayar cukai yang mempunyai anak OKU yang belum berkahwin dinaikkan kepada RM8,000.

Bagi memastikan sistem penyampaian awam lebih inklusif, Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MyGCC) akan menyediakan perkhidmatan khusus bagi memanggil OKU, termasuk kemudahan panggilan video dengan bahasa isyarat.

Kesimpulannya, Belanjawan 2025 Kerajaan MADANI dilihat sebagai belanjawan yang sangat menarik berbanding tahun-tahun sebelumnya apabila wujudnya peruntukan khas untuk kebajikan dan pendidikan anak-anak autistik.

Inisiatif ini bukan sahaja bukti komitmen dan sokongan langsung Kerajaan MADANI kepada anak-anak autistik dan keluarga mereka

tetapi juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang autisme. Dengan menyediakan lebih banyak kemudahan pendidikan dan program yang inklusif, masyarakat akan lebih berpeluang untuk memahami ciri-ciri dan keperluan khusus anak-anak autistik.

Ini seterusnya akan membantu mengurangkan stigma dan prejudis serta mempromosikan penglibatan aktif mereka dalam masyarakat. Kesedaran yang meningkat akan membentuk persekitaran yang lebih mesra dan menyokong, membolehkan anak-anak autistik berkembang dengan lebih baik dan mencapai potensi mereka.

Melalui Belanjawan ini, Kerajaan MADANI bukan sahaja melabur dalam pendidikan dan kebajikan, tetapi juga dalam pembinaan masyarakat yang lebih empati dan inklusif.

Secara keseluruhannya, Belanjawan 2025 Kerajaan MADANI menekankan komitmen terhadap golongan OKU dengan pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan penglibatan mereka dalam masyarakat selaras dengan objektif Dasar Orang Kurang Upaya.

Inisiatif ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk memastikan golongan OKU menerima sokongan yang diperlukan untuk menyertai dan menyumbang kepada pembangunan negara.

PENULIS Dr Hanira Hanafi merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



LORONG BELAKANG LUBUK REZEKI

DEEL ANJER

BERMULA dengan niat untuk membantu peniaga kecil menjana pendapatan, kini hasrat murni tersebut tercapai apabila bazar larut malam yang dikenali sebagai Lorong Belakang mampu menarik sehingga 20,000 pengunjung pada hujung minggu.

Diberi jolokan next Petaling Street, Lorong Belakang yang dibuka setiap Jumaat hingga Ahad bukan sahaja menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan pelbagai juadah makanan dan barangan, bahkan ia turut menjanjikan persembahan hiburan yang menarik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Youth Ventures Asia merangkap penganjur tapak Lorong Belakang, **Hanif Marzuki**, lokasi yang terletak di Shaftsbury Square, Cyberjaya tersebut merupakan

pusat tumpuan ekonomi peniaga kecil dan sederhana saban minggu.

"Lorong Belakang memberi peluang kepada para peniaga kecil dan sederhana untuk bersaing secara sihat dengan mana-mana francais lain di luar.

"Selain itu, ia juga turut memberi peluang kepada pelajar universiti di sekitar Cyberjaya untuk bekerja secara sambilan, mereka bukan sahaja boleh mencari duit poket tetapi dalam masa yang sama mendapat pendedahan awal tentang dunia perniagaan.

"Alhamdulillah, apa yang membanggakan, terdapat bekas peniaga Lorong Belakang kini mempunyai kedai atau restoran sendiri. Bayangkan mereka menimba pengalaman di sini, akhirnya dapat bersaing dengan peniaga-peniaga lain yang lebih

besar," ujarnya.

Tambahnya, terdapat 130 tapak jualan yang dibuka kepada peniaga bermula pukul empat petang hingga 12 tengah malam dengan serendah RM50 hingga RM70 sahaja sehari.

"Ia bergantung kepada lokasi yang diambil. Harga yang kita tawarkan murah dan tidak membebankan peniaga jika dibandingkan di bazar larut malam lain," ujarnya.

Menariknya saban minggu, peniaga akan sentiasa bertukar untuk memberi kelainan dari segi barangan dan sebagainya sekali gus menjadi salah satu tarikan kepada pengunjung.

Mengulas lanjut, Hanif bersyukur hasratnya dan pasukan untuk mewujudkan pasar malam moden atau next Petaling Street tercapai.



PENGASAS bersama Lorong Belakang, dari kiri: Hafiz Zur Ain, Aniq Amrez, Hanif Marzuki, Nurul Amiera.

"Inilah titik permulaan kami. Pada tahun 2019, hanya terdapat 10 peniaga sahaja berbanding hari ini sudah pun mencecah 130 tapak jualan.

"Pada awal perniagaan, agak sukar untuk yakinkan peniaga berniaga di sini. Tambahan pula, nama Lorong Belakang itu sendiri buat sesetengah mereka ragu-ragu. Ada yang ingat tempat yang tak elok.

"Selain itu, cabaran lain, kami tak letakkan perniagaan kami buat ini bermotifkan keuntungan. Jadi agak sukar untuk kami menyediakan lebih kemudahan kepada peniaga. Namun ia bukanlah menjadi masalah kerana kami sentiasa positif dan yakin ia akan berjaya pada waktunya," ujarnya.

Tambahnya lagi, ketika negara dilanda pandemik sekitar tahun

2020, operasi Lorong Belakang pernah terhenti seketika.

"Selepas semua aktiviti kembali beroperasi tapak ini masih belum mendapat sambutan. Ketika itu, ia berlangsung pada awal dan hujung bulan sahaja dan hanya mempunyai lapan orang peniaga. Namun selepas melancarkan nama Lorong Belakang dengan kerjasama Shaftsbury Square, bukan sahaja pengunjung yang bertambah bahkan jumlah peniaga juga meningkat," ujarnya bersyukur dengan kuasa tular di media sosial.

Kini cawangan Lorong Belakang turut terdapat di Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan Dengkil, Selangor sekali gus menjadikan keseluruhannya 4,000 peniaga terlibat. Selain itu, Lorong Belakang turut menjadi tumpuan baharu pemuzik dan anak seni tempatan untuk berkarya. 📺



PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.






harga
RM19.90



ZULKIFLI SULONG

SELEPAS kerajaan menyusun balik subsidi diesel, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) mengumumkan subsidi petrol RON 95 pula akan disusun mulai pertengahan tahun depan.

Yang paling menarik adalah pengumuman PMX bahawa 85 peratus (%) rakyat negara ini akan terus menikmati subsidi RON 95 ini. Hanya 15% rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan paling atas tidak akan menikmati subsidi ini.

Ekoran itu, pelbagai tafsiran tersebar tentang siapakah sebenarnya golongan 15% teratas ini yang dinamakan sebagai T15 yang tidak akan menerima subsidi RON 95.

Menurut PMX, kerajaan masih mengkaji kuantum kumpulan isi rumah T15 bagi memastikan tiada pihak tertinggal mahupun terbeban dengan pelaksanaan penyasaran subsidi.

Anwar berkata perkara itu masih dalam peringkat perbincangan antara Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebelum ia diputuskan dalam Mesyuarat Kabinet.

"Isu tentang kedudukan T15, maknanya kita lepaskan tanggungjawab membayar ini kepada B40 serta M40 dan apabila dikaji, ada rangkaian T20 peringkat bawah mungkin pendapatannya sedikit rendah, maka dinaikkan.

"Ini bukan perkara baru sebab dalam penyasaran subsidi diesel digunakan prinsip sama T15, apa kuantumnya itu sedang dikaji kerana kita rasa, dikatakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) RM13,000 itu mungkin terlalu rendah.

"Maka rencana sekarang dibincangkan jabatan berkaitan Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan KPDN ialah untuk menaikkan sedikit supaya tidak bebakan pendapatan seisi keluarga itu dan tidak terikat



BARU-BARU ini PMX mengumumkan bahawa 85% rakyat negara ini akan terus menikmati subsidi RON 95.

MEWAJARKAN SUBSIDI RON 95 UNTUK RAKYAT

dengan yang ada sekarang.

"Kemudian dibangkitkan keclaruan tafsiran T15, tak benar, saya dengar ucapan Menteri Ekonomi, kita kata DOSM menetapkan RM13,000 (tetapi) kita fikir agak rendah itu (perkara ini) sedang dibincangkan jadi tiada percanggahan sekali dan dirujuk kepada Mesyuarat Jemaah Menteri mengapa kita tetapkan T15 itu ditingkatkan jumlah pendapatannya," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, minggu lalu.

Sebelum ini negara mempunyai B40, M40 dan T20. B40 adalah golongan 40% bawah dari segi pendapatannya, M40 pula adalah 40% pertengahan manakala T20 pula 20% dari rakyat negara yang dikira golongan paling tinggi pendapatannya.

Kini untuk pelaksanaan subsidi, kerajaan mengecilkan lagi golongan teratas ini dengan memilih 15% sahaja. Ini bermakna lebih ramai rakyat akan mendapat subsidi kerajaan dengan pengelasan saiz ini. Sebenarnya prinsip yang

digunakan oleh kerajaan dalam pelaksanaan pemberian subsidi ini bertepatan sekali dengan prinsip Islam.

Dalam Islam ada zakat. Orang kaya diwajibkan mengeluarkan zakat manakala orang miskin pula diberikan zakat ini. Islam juga menetapkan siapa golongan kaya yang kena mengeluarkan zakat dan golongan miskin yang boleh menerima zakat. Jumlah berapa yang perlu dizakatkan pula berbeza mengikut ijhtihad pemerintah semasa. Begitu pula dengan subsidi

kerajaan sekarang. Golongan miskin dibantu dengan subsidi manakala golongan yang berada dan mampu tidak diberikan subsidi atau dibantu. Mereka membeli dengan harga sebenar barangan atau perkhidmatan berkenaan.

Ia turut berlaku kepada kos menunaikan haji yang dikenakan oleh Tabung Haji, satu tabung yang dikuasai kerajaan. Golongan bawahan diberikan subsidi oleh kerajaan bagi membolehkan mereka juga menunaikan haji dengan sebahagian kos ditanggung oleh kerajaan melalui Tabung Haji ini.

Namun orang yang berada dan mampu, bolehlah menunaikan haji dengan kosnya yang sebenar kerana itulah yang dituntut oleh Islam iaitu tunaikan haji sekiranya kita mampu. Golongan yang lebih mampu pula boleh menunaikan haji melalui pakej-pakej yang disediakan kerajaan dan swasta.

Penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2024) dianggarkan berjumlah 34 juta, meningkat 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (ST1 2023) iaitu seramai 33.2 juta penduduk, menurut laporan perangkaan demografi bagi ST1 2024 yang dikeluarkan oleh DOSM.

Jumlah penduduk terbabit merangkumi 30.6 juta (90 peratus) warganegara dan 3.4 juta (10 peratus) bukan warganegara.

Ini bermakna, 15% daripada 30.6 juta penduduk tempatan itu iaitu kira-kira 4.59 juta orang termasuk dalam kategori ini yang tidak akan mendapat subsidi kerajaan untuk RON 95 ini.

Sebenarnya, dari segi amalan sekarang, kebanyakan golongan T15 ini tidak menggunakan RON 95 kerana kebanyakan mereka menggunakan petrol yang lebih berkualiti iaitu RON 97 untuk kenderaan mewah mereka.

Jadi, sebenarnya lebih kecil jumlah penduduk negara ini yang terkesan dengan dasar penyasaran subsidi yang akan dilaksanakan kerajaan ini, kerana mereka tidak pun menggunakan RON 95.

INI sekadar pandangan penulis yang menyambut baik dasar baharu kerajaan ini.

Khabar yang ditunggu



BERITA gembira buat 700,000 penduduk Wangsa Maju. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) baharu akan dibina di kawasan parlimen tersebut untuk memberi khidmat lebih berkesan setelah satu dekad beroperasi di Jalan Pudu.

IPD Wangsa Maju beribu pejabat di Jalan Pudu sejak IPD tersebut diwujudkan pada 1 April 2014.

Beberapa balai polis seperti Setapak dan Wangsa Maju bernaung di bawah IPD ini termasuk beberapa buah balai polis komuniti seperti Setiawangsa, Taman Melati dan pangkalan motosikal ronda di Danau Kota.

Oleh itu, bagi kawan-kawan Kedai Kopi, sangat wajar IPD baharu dibina di

metropolitan Wangsa Maju setelah satu dekad beroperasi dari Pudu. Tambahan lagi IPD tersebut turut memberi khidmat kepada kawasan parlimen berjiran iaitu Setiawangsa dan Titiwangsa.

Memetik Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan, IPD Wangsa Maju akan dibangunkan menerusi pelan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) 2021 hingga 2025. Memandangkan Wangsa Maju kawasan penting yang pesat membangun, kerajaan memberi keutamaan membina IPD dalam tempoh RMK-12.

Faktor kepadatan penduduk juga diambil kira dalam pembinaan IPD baharu ini. Bagi setiap kilometer persegi, terdapat lebih kurang 13,547 orang penduduk.

Lupakan bas mini

KATA orang, barang yang lepas jangan dikenang. Kawan-kawan Kedai Kopi ketika bersantai baru-baru ini, ada yang mengenang kembali era perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur. Bagi mereka khidmat bas mini wajar dikembalikan.

Mereka berpendapat langkah ini akan mempelbagai khidmat pengangkutan awam sedia ada di ibu kota dalam usaha memenuhi keperluan orang ramai.

Untuk yang tidak merasa khidmat bas mini, ia diperkenalkan pada September 1975 sebagai pilihan tambahan kepada bas dan teksi. Perkhidmatannya meliputi banyak pelosok ibu kota dan Lembah Klang, menuju ke pelbagai destinasi.

Walaupun pada permulaan khidmat bas

mini dilihat berkesan, lama-kelamaan ia dilihat menyumbang kepada kesesakan lalu lintas di ibu kota. Selain itu, pemandu kurang berdisiplin. Mereka mengisi penumpang selagi muat. Juga sering bergerak laju mencelah-celah untuk mengejar trip.

Akhirnya bas mini dimansuhkan pada Julai 1998, tinggal dalam lipatan sejarah. Di Kuala Lumpur kini ada pelbagai pengangkutan awam lain seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT), monorel, di samping bas dan teksi.

Oleh itu, pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, tidak perlu untuk mengembalikan bas mini memenuhi jalan di ibu kota yang memang sering sesak. Pengangkutan awam yang ada sudah mencukupi.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir merasmikan Bangunan Platinum TNB di ibu negara pada Selasa.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menghadiri Fiesta Muzikal dan Kesenian Deepavali di Brickfields dan telah menyampaikan sumbangan mewakili Yayasan Perpaduan Rakyat Malaysia berjumlah RM10,000 kepada Persatuan Kebajikan Sri Saradha Devi Illam Malaysia bagi membantu 60 orang anak-anak yatim dalam membuat persiapan meraikan Deepavali.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menghadiri Konvensyen Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2024 anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).



MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menghadiri perasmian Milipol Qatar Exhibition & Conference 2024 dan turut melawat reruai pameran yang mana kecerdasan buatan (AI) menjadi fokus utama.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) Bil 2/2024 Rentas Kementerian yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menghadiri Hari Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak Peringkat Negeri Perlis di SMK Abi, Kangar. Hadir sama Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli.

SEMINGGU



METRA SYAHRIL MOHAMED

DALAM usaha meningkatkan kualiti penyampaian penjagaan kesihatan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalin kerjasama strategik global sekali gus menjadikan Malaysia destinasi pelancongan kesihatan terkemuka dunia.

Kerjasama itu merangkumi Agensi Pembangunan dan Perdagangan Amerika Syarikat (USTDA); Suruhanjaya Pelaburan dan Perdagangan Australia (Austrade) dan Suruhanjaya Tinggi British (BHC).

Jalinan tersebut dimeterai pada Majlis Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends 2024 yang julung kalinya diadakan di negara ini.

Berlangsung di Pavilion MCMC Future Healthcare Frontier, acara itu menandakan pencapaian signifikan dalam landskap penjagaan kesihatan negara.

Majlis tersebut disempurnakan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa serta Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

Menurut MCMC, kerjasama tersebut bertujuan menangani cabaran penjagaan kesihatan yang semakin mendesak pada masa hadapan.

Ini termasuk peningkatan penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis dan *hypercholesterolemia*, peningkatan populasi warga emas serta isu penjagaan kesihatan yang terhad di kawasan luar bandar.

“Perkhidmatan penjagaan kesihatan juga berdepan cabaran getir kerana demografi warga emas di Malaysia dijangka hampir menyamai populasi orang muda pada 2040.

“Di kawasan luar bandar, infrastruktur yang tidak mencukupi dan kekurangan profesional perubatan melebarkan lagi jurang yang telah lama wujud.

“Oleh yang demikian, kerjasama ini bertujuan untuk merapatkan jurang dengan memanfaatkan teknologi dan kepakaran maju dari

TANGANI CABARAN PENJAGAAN KESIHATAN



PENGUNJUNG berkesempatan menjalani pemeriksaan mata pada MIH Megatrends 2024.

Amerika Syarikat (AS), Australia dan United Kingdom untuk meningkatkan kualiti penyampaian penjagaan kesihatan untuk semua rakyat Malaysia,” katanya.

MCMC menambah, pelancaran 5G oleh syarikat telekomunikasi membuka peluang mengembangkan sektor teleperubatan dan mengintegrasikan peranti kesihatan boleh pakai.

Langkah ini jelasnya, meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam transformasi penjagaan kesihatan global dengan syarikat telekomunikasi memainkan peranan penting memacu kemajuan ini.

“Penglibatan USTDA, Austrade dan BHC akan mempercepat penerapan penyelesaian terkini, membawa kepakaran global

untuk menggalakkan inovasi, merangsang pertumbuhan dan menarik pelaburan langsung asing.

“Usaha ini akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan terkemuka sambil memperkukuh ekosistem penjagaan kesihatan tempatan,” kata MCMC.

MCMC menambah, kemasukan peneraju penjagaan kesihatan antarabangsa ke dalam pasaran Malaysia pula akan memacu kemajuan tempatan dengan memperkenalkan teknologi terkini melalui penyelesaian yang inovatif.

Malah katanya, peningkatan kepakaran ini akan menggalakkan hospital swasta meningkatkan perkhidmatan mereka, sekali gus menjadikan sektor penjagaan kesihatan lebih kompetitif pada masa hadapan.

PRASARANA 5G DI HOSPITAL

MIH Megatrends 2024 berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) menarik 5,000 peserta termasuk profesional kesihatan, peneraju industri, pegawai kerajaan, pelabur dan orang awam yang akan meneroka trend terkini yang akan membentuk masa depan penjagaan kesihatan. Terdahulu Fahmi ketika ditemui berkata, hospital akan menjadi satu daripada tujuh kawasan yang diberikan keutamaan oleh MCMC dalam usaha menyelesaikan masalah kesalinghubungan.

Menurut beliau, ini disebabkan masih terdapat hospital kerajaan yang berdepan masalah liputan dalam bangunan untuk kegunaan telefon bimbit serta ketiadaan penyediaan prasana teknologi 5G

yang sesuai dengan penggunaan aplikasi perubatan.

Beliau memberikan contoh di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) apabila terdapat sesetengah blok atau tingkat termasuk wad yang menghadapi masalah Internet.

Perkara sama turut beliau tumpukan kepada Hospital Serdang (kini dinamakan semula sebagai Hospital Sultan Idris Shah).

“Kita perlu selesaikan masalah asas ini.

“Selain itu, kita ingin memastikan penyediaan prasarana 5G di hospital bagi membolehkan penggunaan aplikasi (perubatan),” katanya.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan keberadaan MCMC dan kementerian dalam MIH Megatrends 2024 adalah bertepatan kerana mengetengahkan kepentingan kesalinghubungan dalam sektor kesihatan terutamanya untuk beberapa aplikasi.

“Di MIH Megatrends ini, terdapat sesetengah aplikasi memanfaatkan Holo Lens yang membolehkan doktor pakar mengkaji cara terbaik menyelesaikan masalah kesihatan atau perubatan menerusi saringan atau imej yang dikumpulkan seperti MRI dan sebagainya.

“Kita juga melihat beberapa syarikat seperti TM One mula memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk membantu hospital melakukan persiapan dalam proses pengesanan janji temu. Ini sangat baru dan belum dilaksanakan secara meluas,” katanya.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap lebih banyak hospital sama ada awam atau swasta akan meneliti dan memanfaatkan aplikasi dan teknologi yang boleh digunakan dengan kelajuan 5G. 



KERJA-KERJA penggantian paip di Pulau Enoe sedang giat dilaksanakan.

Projek pembaikan siap selewat-lewatnya 2025

BBAL GANTI PAIP 42 KILOMETER

KHAIRUL IDIN

EMPAT projek pembaikan membabitkan infrastruktur bekalan air di Labuan yang menelan belanja RM111 juta dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun ini dan pertengahan tahun hadapan. Menurut Pengarah Jabatan Bahagian Bekalan Air (BBAL) Labuan, **Trinil Indah Puspita Herry Sunjoto**, projek yang melibatkan penggantian paip sepanjang 42 kilometer (km) tersebut masih dalam peringkat kerja-kerja pembinaan.

"Antara yang sedang dilaksanakan ialah penggantian paip pam di kawasan industri Pulau Enoe yang telah diperuntukkan di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-120).

"Pelaksanaan kerja-kerja penggantian di Pulau Enoe dan paip fasa satu dan dua itu penting kerana ia merupakan komponen paip utama membekalkan air bersih dari Loji Rawatan Air Lawa Gadong, Beaufort, Sabah ke Labuan.

"Fokus utama diberikan kepada kerja-kerja penggantian sistem pengepaman, pembaikan kelengkapan mekanikal dan elektrik serta penggantian paip usang. Program Air Tidak Terhasil (NRW) secara holistik fasa satu, peningkatan kapasiti simpanan air serta takungan air mentah," katanya kepada pemberita pada Majlis Bertemu Pelanggan Bersama Bahagian Bekalan Air Labuan baru-baru ini.

Selain itu, empat lagi projek *task force* jangka pendek bernilai RM25 juta dan satu projek *one-off* bernilai RM2.5 juta turut dalam fasa pembinaan.

Dalam masa sama, enam projek kini dalam peringkat prapelaksanaan yang berjumlah RM205 juta bagi mengatasi masalah paip usang yang sering pecah.

"Program NRW pula melibatkan penggantian paip usang sepanjang 130km dijangka bermula tahun

hadapan sehingga 2030 melalui pembayaran geran.

"Justeru, kesemua pelaksanaan projek pembangunan akan menyebabkan beberapa siri penutupan bekalan air terpaksa dibuat oleh pihak BBA Labuan.

"Gangguan bekalan air sementara adalah salah satu proses yang tidak dapat dielakkan dan akan dihadapi oleh penduduk di pulau ini dalam tempoh pelaksanaan projek yang kini sedang giat dilaksanakan.

"Pihak BBAL sentiasa komited untuk memastikan bekalan air ini dapat disalurkan kepada penduduk dan menghargai cadangan dan pendapat daripada pelbagai pihak yang telah diberikan kepada BBAL untuk mengatasi isu ini," katanya.

Terdahulu, menerusi Belanjawan 2024, Kerajaan MADANI telah memperuntukkan sejumlah RM300 juta bagi menaik taraf dan pembinaan infrastruktur paip bekalan air di Labuan. 

RM25 juta naik taraf pusat sampah

SEJUMLAH RM25 juta diperuntukkan Perbadanan Labuan (PL) dalam usaha menambah baik Pusat Sampah Kampung Bukit Kalam.

Menurut Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL, **Gilbert Chin Hsing Lin**, setiap hari Tapak Pelupusan Sisa Pepejal menerima purata 100 hingga 150 tan sampah dan jelas menunjukkan pusat pelupusan tersebut tidak mampu menampung peningkatan sisa sampah dalam masa terdekat.

"Jika dilihat secara relatifnya, jumlah ini adalah masih kecil jika dibandingkan dengan jumlah sisa pepejal yang diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di luar Labuan.

"Namun, jika diteliti secara mendalam, jumlah keluasan tapak pelupusan begitu terhad selain pertambahan sisa pepejal yang dilupuskan tinggi," ujar beliau.

Tambahnya menerusi Rancangan Malaysia Ke-12, PL kini sedang melaksanakan projek

menaik taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Bukit Kalam dengan kos melebihi RM25 juta dan kita menjangka projek tersebut siap pada tahun depan.

"Tujuan projek tersebut untuk memastikan pengurusan sisa pepejal di Labuan dapat dilaksanakan dengan efektif, sistematik dan berkesan," katanya pada Program Gotong-Royong Perdana Peringkat Labuan.

Mengulas lanjut, beliau menekankan tanggungjawab dalam memelihara alam sekitar harus melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk sektor industri dan komuniti.

"Terdapat beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengambil jalan mudah membuang sampah kasar di tempat yang tidak sepatutnya dan menyebabkan pencemaran alam sekitar.

"Kita nasihatkan kepada pihak-pihak tersebut agar memberikan kerjasama untuk membuang sampah sisa pepejal di tapak pelupusan," katanya. 



TAPAK Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Kalam tidak mampu menampung pembuangan sisa sampah.



SIMSUDIN (empat dari kiri) menerima cenderamata daripada Jainuddin dalam sesi kunjungan hormat baru-baru ini.

Sebar inisiatif kerajaan

PERSATUAN Penggiat Media Labuan komited memberi kerjasama kepada Perbadanan Labuan (PL) dalam pelbagai aspek khususnya menyebarkan inisiatif kerajaan dan mempromosikan Labuan sebagai pusat pelancongan.

Ini kerana dari dulu sehingga ke hari ini, media merupakan salah satu platform penting dalam membantu semua pihak menyampaikan maklumat yang sahih dan terkini kepada golongan sasaran yang dikehendaki.

Pengerusi Persatuan Penggiat Media Labuan, **Jainuddin Djimin** berkata pihaknya yang terdiri daripada barisan wartawan dan

jurugambar daripada pelbagai agensi sentiasa membantu menyampaikan pelbagai maklumat kepada penduduk di pulau itu.

"Kami berharap pihak PL dapat memberikan kerjasama khususnya dalam penyediaan maklumat-maklumat mengenai inisiatif mahupun perancangan yang bakal dilaksanakan oleh PL.

"Sudah tentunya jalinan kerjasama ini mampu memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang usaha-usaha yang dilaksanakan oleh PL dalam memacu pembangunan pulau ini," katanya ketika sesi kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan

Pengerusi PL, Simsudin Sidek baru-baru ini.

Dalam pada itu, Simsudin turut menzahirkan penghargaan kepada pihak Persatuan Penggiat Media Labuan yang sentiasa membantu PL.

"Saya mewakili PL mengucapkan terima kasih dan berharap kerjasama ini akan terus terjalin. Saya juga yakin dengan hubungan mesra ini akan memberikan manfaat positif daripada masyarakat terhadap inisiatif dan usaha PL dalam mengurus tadbir pulau ini agar menjadi sebuah pulau yang berdaya saing," katanya. 



ANWAR (tengah) ketika melawat model projek perumahan Residensi MADANI Putrajaya.

Projek pembangunan Residensi MADANI

4,000 UNIT SIAP MENJELANG 2028

SABRINA SABRE

SEBANYAK 4,000 unit Residensi MADANI Putrajaya dijangka siap dibina menjelang tahun 2028.

Menurut Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**, objektif utama projek pembangunan Residensi MADANI Putrajaya adalah untuk menyediakan Perumahan Mampu Milik dalam kategori kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan.

"Tujuh Projek Residensi MADANI Putrajaya ini terletak di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19 iaitu Residensi MADANI Sentral, Serunai, Cemara, Cengkih, Cempaka, Mawar dan Melur.

"Ini merupakan salah satu usaha kerajaan membantu golongan sasar untuk memiliki kediaman yang selesa, persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera.

"Di samping mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta merealisasikan Dasar Perumahan Negara (2018-2025) dapat dicapai di Wilayah Persekutuan di mana keperluan pemilikan rumah pertama yang mampu dimiliki.

"Malahan, kerajaan komited melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan MADANI (SJKP-MADANI) dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM10 bilion bagi membantu lebih ramai rakyat Malaysia untuk memiliki rumah mampu milik dengan jaminan pembiayaan sehingga 120 peratus daripada harga kediaman rumah ditawarkan

kepada pemohon yang layak," katanya ketika menyempurnakan Majlis Peluncuran bagi tujuh projek pembangunan Residensi MADANI di Putrajaya pada Isnin.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata kerajaan turut menawarkan pengecualian duti setem sebanyak 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pemilikan rumah pertama dengan harga rumah tidak melebihi RM500,000 menerusi Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-MILIKI).

"Secara dasarnya, keluasan bagi Residensi MADANI Putrajaya adalah 800 kaki persegi dengan harga jualan RM200,000.

"Ianya juga selaras dengan pengumuman Perdana Menteri bahawa pemilik rumah pertama akan mendapat pelepasan cukai sehingga RM7,000 bagi rumah kediaman yang berharga sehingga RM500,000 untuk menggalakkan lebih banyak pemilikan rumah pertama dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Kesemua inisiatif ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam membantu rakyat Malaysia untuk memiliki rumah sendiri.

"Adalah menjadi harapan kerajaan agar rakyat dapat memiliki sebuah kediaman yang selesa, berkualiti, lokasi yang

sangat strategik di Wilayah Persekutuan Putrajaya terutama bagi golongan berpendapatan rendah (B40)," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata pelbagai kemudahan awam turut disediakan di dalam plot pembangunan ini seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, kemudahan gelanggang sukan dan taman permainan kanak-kanak serta tempat letak kereta berbumbung dan sebagainya.

"Tapak pembinaan ini juga berdekatan dengan Pusat Kejiranan iaitu Kompleks Kejiranan, Kompleks Sekolah, taman-taman awam dan kemudahan pengangkutan awam dan *mass rapid transit* (MRT).

"Orang awam yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Residensi MADANI Putrajaya dan ingin membuat permohonan, boleh melayari maklumat di portal <https://residensimadani.jwp.gov.my/>, menyemak syarat-syarat permohonan dan membuat pendaftaran terus," ujarnya.

Terdahulu, Majlis Peluncuran Residensi MADANI Putrajaya telah diadakan di Tapak Residensi Sentral, Presint 7, Putrajaya.

Turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Ketua Setiausaha Negara; Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud. 

Uji kualiti baja kompos

ALAM Flora Environmental Solutions (AFES), syarikat di bawah naungan Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) dan juga merupakan anak syarikat milik penuh Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) melancarkan inisiatif kebun kompos di Presint 18, Putrajaya, dalam menghasilkan baja kompos daripada sisa makanan yang dirawat dengan menggunakan mesin komposnya.

Menurut Pengurus Jabatan Kitar Semula AFES, **Ismi Azura Istear Khan**, program yang dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) itu bertujuan untuk menguji kualiti baja kompos yang dihasilkan daripada komposisi sisa makanan yang dikumpul di persekitaran Putrajaya serta untuk kegunaan Program Kebun Komuniti di sekitar Putrajaya.

"AFES mampu menghasilkan 250 hingga 300 kilogram baja setiap bulan.

"Hari ini, 90 kilogram baja yang dihasilkan daripada sisa makanan telah disampaikan kepada wakil komuniti dan peniaga tempatan, sebagai contoh ekonomi kitaran yang berkesan.

"Sejak tahun 2015, AFES telah pun mengoperasikan mesin kompos untuk memproses sisa makanan dari kawasan sekitar," ujarnya.

Beliau berkata inisiatif ini selaras dengan matlamat bandar rendah karbon Putrajaya menjelang 2030 yang menyasarkan pengurangan 30 peratus sisa per kapita dan peningkatan dua peratus kadar kitar semula setiap tahun.

"Proses kompos membantu mengurangkan jumlah sisa yang dibawa ke tapak pelupusan.

"AFES akan terus komited dalam memajukan usaha kelestarian di Putrajaya dengan meningkatkan pengasingan sisa dan mengguna pakai teknologi hijau," ujarnya.

Ismi berkata kerjasama dengan Perbadanan Putrajaya dan komuniti akan memperkukuh reputasi Putrajaya sebagai bandar model pelaksanaan program kitar semula dan pengurusan alam sekitar di Malaysia.

"Dengan strategi pengurusan sisa pengkomposan yang inovatif, AFES berhasrat untuk mengurangkan jejak karbon dan membina masa depan yang lebih hijau di Putrajaya," ujarnya.

Sementara itu, Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar) PPj, **Nik Shukri Nik Soh** berkata kerjasama yang dijalankan bersama pihak AFES ini merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kadar kitar semula di Putrajaya dan sekali gus menjadikan Putrajaya sebagai bandar contoh dalam mencapai aspirasi bandar yang mampan.

"Sejak tahun 2004 sehingga kini, Perbadanan Putrajaya dan Alam Flora telah bekerjasama bagi menjayakan pelbagai program kitar semula termasuk memproses sisa makanan menerusi sistem kompos menggunakan mesin.

"Sepanjang tahun ini, kami telah menyedari peranan penting yang dimainkan oleh pengurusan sisa dalam membentuk masa depan yang mampan untuk bandar Putrajaya.

"Salah satu perkembangan terkini dalam perjalanan ini ialah penubuhan kebun kompos kami di Presint 18, Putrajaya. Kebun kompos ini menempatkan pelbagai jenis tumbuhan, termasuk kacang buncis, cili dan daun pandan.

"Selain itu, kebun ini bukan sahaja ruang untuk bercucuk tanam tetapi ia adalah contoh bagaimana kita boleh mengubah sisa makanan menjadi sumber yang bermanfaat.

"Untuk pengetahuan semua, terdapat satu mesin pengkomposan yang telah diuruskan oleh pihak AFES sejak 2015. Mesin ini memproses sisa makanan dari kawasan berhampiran di Presint 18, memproses sisa makanan menjadi kompos," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata sasaran pihaknya pada masa hadapan adalah untuk mempelbagaikan lagi tanaman yang ditanam di kebun kompos ini bagi melihat kualiti dan keserasian di antara baja kompos yang dihasilkan dengan tanaman. 



NIK SHUKRI (kiri) memasukkan sisa sayuran ke dalam mesin kompos.

ISN perkukuh ekosistem sukan

INSTITUT Sukan Negara (ISN) memperkukuh peranan dalam memperkasakan ekosistem sukan negara dengan penubuhan Pusat Satelit ISN bersama beberapa universiti awam.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata ia bertujuan bagi menyediakan perkhidmatan, penyelidikan dan kepakaran untuk ekosistem sukan di negara ini.

"Pengkiktirafan Pusat Satelit

membuktikan komitmen ISN dalam membantu atlet negara dan negeri dengan menyediakan akses kepada perkhidmatan ISN di lokasi-lokasi strategik di luar Kuala Lumpur," ujar beliau.

Sebagai rekod, tujuh universiti yang terlibat dalam inisiatif ini ialah Fakulti Sukan dan Sains Ekseksis, Universiti Malaya (UM), Sports Innovation Technology Centre, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Fakulti Sains

Kesihatan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Selain itu, turut terlibat Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Dua lagi adalah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Arau, Perlis dan Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). 



HANNAH bersama wakil universiti awam yang terlibat dengan inisiatif penubuhan Pusat Satelit ISN.



FAHMI (tengah) ketika penganjuran Sukan HAWANA.

Program tangani isu kebencian dalam sukan

BERI KESEDARAN KESAN BULI

SABRINA SABRE

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) bekerjasama dengan agensi-agensi terlibat untuk menangani isu gangguan, penderaan dan ucapan kebencian dalam sukan. Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata ia berikutan lonjakan gangguan dalam talian yang dilaporkan semasa berlangsung temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Paris baru-baru ini.

"Terdapat keperluan untuk menangani buli siber dari akar umbinya dengan melaksanakan program pendidikan di sekolah-sekolah dan arena sukan.

"Program ini akan membantu menyedarkan orang ramai mengenai kesan serius buli siber terhadap kesihatan mental dan semangat kesukanan," katanya semasa menghadiri Sukan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) di Padang Brainy Bunch Melawati pada Ahad.

Beliau berkata inisiatif itu, khususnya melalui program kesedaran yang menyasarkan sekolah dan acara sukan bertujuan mendidik masyarakat mengenai kesan buli siber terhadap atlet, peminat dan penyokong.

"Selain itu kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah dan Kanun Keseksan untuk mentakrifkan buli siber dan bentuk gangguan lain secara lebih terperinci.

"Kita harap pindaan akan diluluskan dalam persidangan Parlimen semasa. Namun ia mungkin mengambil masa untuk orang ramai memahami cara undang-undang ini dikuatkuasakan," ujarnya.

Fahmi berkata langkah konkrit perlu dilaksanakan bagi memastikan agensi berkaitan dapat bertindak balas secara berkesan terhadap sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan media dalam talian.

"Sebaik sahaja undang-undang ini dikuatkuasakan diiringi dengan program-program kesedaran, kita percaya ia akan membantu mengurangkan kemungkinan kejadian pelanggaran undang-undang berkaitan media dalam talian ini," ujarnya.

Sementara itu, beliau yang juga merupakan jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata penganjuran Sukan HAWANA akan diterapkan

ke dalam Kalendar HAWANA mulai tahun depan.

"Kejohanan tahunan itu akan membabitkan skala lebih besar dengan penyertaan ramai pengamal media termasuk dari negeri-negeri lain selain memperkenalkan sukan tradisional seperti karom dan dam aji.

"Ia tidak semestinya perlu membabitkan acara di atas padang saja. Jadi ini antara sebahagian permainan tradisional yang mungkin boleh dimasukkan.

"Untuk itu, saya akan meminta pasukan saya melihat apa acara sukan lain yang boleh dimasukkan bagi penganjuran tahun depan," ujarnya.

Sebagai rekod, HAWANA pertama kali disambut 11 April 1981 dikelolakan BERNAMA selaku agensi pelaksana acara tahunan.

Ia bertujuan meraikan jasa dan pengorbanan komuniti media serta mengangkat martabat profesionalisme kewartawan negara selain menjadi platform untuk mereka berkumpul dan membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi industri. 

Terima habuan RM41,000

PERENANG muda negara, **Muhammad Dhuha Zulfikry** menerima wang ganjaran terbanyak dalam kalangan atlet Wilayah Persekutuan berjumlah RM41,000 selepas mempamerkan aksi cemerlang di Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024 Ogos lalu.

Atlet berusia 16 tahun itu mempamerkan aksi cemerlang di Sarawak apabila berjaya membolot enam pingat emas dan dua perak selain turut memecahkan empat rekod SUKMA sekali gus dinobatkan sebagai Atlet Lelaki Terbaik Wilayah Persekutuan.

Muhammad Dhuha berkata ganjaran itu bakal menjadi tonik tambahan buatnya untuk terus menampilkan prestasi cemerlang terutamanya pada Sukan SEA Thailand tahun depan.

"Saya rasa amat bangga dengan pencapaian saya dan gembira kerana menjadi atlet yang meraih insentif terbanyak di Wilayah Persekutuan dan saya harap pada SUKMA yang akan datang, saya mampu mengekalkan kejayaan seperti ini.

"Ganjaran yang diperoleh ini, saya akan simpan dahulu," katanya pada Majlis Penyampaian Insentif

Kemenangan Kontinjen Wilayah Persekutuan di Dewan Seri Siantan, Presint 3, Putrajaya.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa yang memberikan insentif kemenangan sebanyak RM1,443,400 kepada 353 atlet, 50 jurulatih dan 27 pengurus pasukan.

Sukan renang menerima insentif terbesar apabila memperoleh RM200,100 setelah berjaya memenangi 16 pingat emas, lapan perak dan tujuh gangsa diikuti gimrama yang membawa pulang RM90,000 setelah menyapu bersih kesemua tujuh pingat emas.

Sebagai rekod, kontinjen Wilayah Persekutuan memenangi 75 emas, 65 perak dan 73 gangsa di belakang tuan rumah yang meraih 76 emas, 55 perak dan 70 gangsa.

Kejayaan tersebut membaiki pencapaian SUKMA XX MSN 2022 apabila berada di tempat ketiga dengan kutipan 55 emas, 68 perak, dan 64 gangsa.

Imbuan berkenaan berdasarkan insentif RM6,000 untuk pemenang emas, RM2,500 untuk perak dan RM1,300 untuk gangsa bagi kategori individu. 



MUHAMMAD DHUHA memperoleh RM41,000 dalam Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan SUKMA ke-21 Sarawak 2024 Kontinjen Wilayah Persekutuan.

LAGU LAMA SEGAR SEPANJANG ZAMAN

DEEL ANJER

ADA yang berpendapat, lagu zaman sekarang tiada jiwa dan kadang-kadang liriknya juga merapu. Malah ledakan teknologi juga menyaksikan penggunaan *auto-tune* lebih menjadi pilihan.

Tidak keterlaluan jika dikatakan dalam sesetengah keadaan, zaman kini vokal bukan lagi menjadi ukuran berbanding zaman dahulu. Jika dihayati, lagu lama

melodinya sentiasa melekat di jiwa bahkan liriknya juga membawa makna yang mendalam.

Menjawab persoalan itu, penyanyi Wany Hasrita, Nor Farhana dan Azizul Haqim yang membuat persembahan pada Konsert Senandung Abadi penghargaan buat Allahyarham Tan Sri SM Salim dan Datuk Sharifah Aini baru-baru ini mengakui kagum dengan kehebatan lagu-lagu lama.



Tiada bermusim

PENYANYI Nor Farhana Abu Bakar mengakui rasa bertuah apabila dapat bekerjasama dengan Orkestra Kuala Lumpur.

Selama 10 tahun berkhidmat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pelbagai pengalaman manis yang dikecapi. Antaranya apabila berpeluang menyanyikan lagu-lagu biduanita negara, Datuk Sharifah Aini dalam konsert anjuran DBKL baru-baru ini.

Farhana yang mempersembahkan lagu Teratai, Terbang Helang dan Kau Pergi Tanpa Pesan menganggap peluang keemasan itu jarang diperoleh.

“Sejujurnya saya bangga dan rasa bertuah apabila dapat membuat persembahan di konsert *tribute* buat Sharifah Aini. Lagu-lagu beliau memang susah untuk dinyanyikan, nampak macam senang, tapi tak semudah itu.

“Lagu-lagunya mempunyai unsur nasihat dan elemen mendidik, dalam masa yang sama tak puas didengar. Ditambah pula suara arwah yang lunak,” katanya.

Farhana juga menyatakan rasa kagumnya terhadap lagu-lagu Sharifah Aini yang malar segar sehingga ke hari ini.

“Pernah tak kita fikir, bagaimana lagu-lagu arwah boleh kekal popular sehingga ke hari ini. Malah sentiasa menjadi pilihan untuk program televisyen dan persembahan pentas lain.

“Lagu sekarang banyak yang sedap dan hebat tapi hanya sementara. Saya tak cakap semua lagu. Ada sesetengah lagu yang bertahan hanya untuk beberapa tahun, kemudian peminat lupa. Belum lagi lagu-lagu yang tular dalam tempoh yang singkat, kemudian dilupakan,” ujarnya.

Tambahnya berbeza dengan lagu-lagu Sharifah Aini, ia tidak bermusim malah biarpun beribu lagu baharu yang muncul namun ia tetap kekal menjadi pilihan. 

Keunikan tersendiri

PENYANYI lagu tradisional, **Azizul Haqim** mengakui lagu-lagu lama banyak memberi inspirasi kepadanya. Apatah lagi baru-baru ini dia diberi peluang mempersembahkan lagu Allahyarham Tan Sri SM Salim berjudul Dulu Lain Sekarang Lain, Kenang Daku Dalam Doamu dan Mohon Kasih dalam konsert penghargaan buat SM Salim.

“Kalau ikutkan, saya selalu nyanyikan lagu-lagu arwah dalam mana-mana persembahan saya.

“Saya memang selalu nyanyikan lagu-lagu tradisional dan klasik. Misalnya apabila menyanyikan lagu SM Salim, ia amat berbeza. Ini kerana, apabila persembahan *live*, beliau akan bawa lagu dengan cara lain tidak seperti yang dirakam. Apa yang ditambah dalam persembahan itu, sangat spontan.

“Jadi apabila membuat persembahan lagu-lagu beliau,

penonton akan tertunggu-tunggu apa kelainan yang saya bawa apabila menyanyi secara *live*.

“Inilah antara faktor lagu-lagu yang dibawa beliau malar segar kekal hingga ke hari ini. Keunikan dan kelainan itulah yang istimewa. Nampak mudah, tapi sebenarnya sangat susah.

“Walaupun sekarang sudah ada bermacam-macam jenis muzik, namun lagu-lagu lama janganlah dilupakan. Jika tiada yang lama maka tiadalah yang baru,” ujarnya.

Azizul juga berpendapat, industri muzik kita boleh berbangga dengan hasil-hasil karya penyanyi terdahulu.

“Kualiti nyanyian dan hasil-hasil karya yang boleh dibanggakan. Bukan itu sahaja, cara atau bagaimana mereka bawa diri dalam industri juga patut dicontohi. Apa yang dibawakan mereka sangat meninggalkan kesan dalam masyarakat,” tambahnya. 



Mahu rakam semula karya klasik

WANY Hasrita yang menyanyikan lagu Seri Dewi Malam, Kau Di Awan Biru dan Oh Di Mana Mustika Hati dalam konsert tersebut, mahu merakamkan semula lagu-lagu lama jika diberi peluang.

“Paling mencabar pada malam konsert itu adalah lagu Seri Dewi Malam. Ini adalah kali pertama saya belajar dan menyanyikan lagu ini ditambah pula bersama Orkestra Kuala Lumpur.

“Mungkin ada yang kedengaran lagu tu macam mudah dibawa tapi sebenarnya tidak sama sekali. Walaupun lagu tersebut bernada rendah tetapi paling susah selain perlu penghayatan.

“Sebagai peminat lagu-lagu klasik, sudah tentu kalau ada peluang, memang nak rakam semula lagu-lagu itu.

“Mungkin ada generasi yang tidak tahu sangat lagu-lagu lama, sebagai pendatang baharu, sekurang-kurangnya kita mestilah ingin merakam semula dengan susunan muzik yang baharu atau diberi nafas baharu,” katanya.

Wany juga mengakui perlunya anak muda mengenali lagu-lagu lama namun sebenarnya ia bergantung kepada diri masing-masing.

“Ada yang cakap kena ikut trend muzik semasa, ia bagus dan tak ada salah pun tapi dalam masa yang sama kena ambil tahu lagu-lagu lama yang malar segar hingga ke hari ini.

“Apapun, ia bergantung kepada seseorang itu. Kalau suka, mereka dengar dan boleh belajar bagaimana lagu-lagu terdahulu malar segar.

“Macam saya, memang suka lagu-lagu lama kerana lebih banyak pilihan,” ujar Wany. 



**Mahu rakam
semula lagu
lama ▶▶23**

**Berikeseedaran
kesan buli ▶▶22**

Amalan berkabung

KENALI BEZA BUDAYA, AGAMA

AZLAN ZAMBRY

PERKABUNGAN mempunyai prinsip yang jelas, berfokus kepada menunjukkan kesedihan dengan tenang tanpa berlebih-lebihan. Meskipun hukumnya adalah harus, Islam menegaskan keperluan untuk menjaga kesopanan dan melarang ratapan yang melampaui batas.

Menurut Daie Muda Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), **Lutfil Hadi Normanzam**, perkabungan yang diboleh adalah sepertimana seorang isteri yang kehilangan suami boleh berkabung selama tiga hari bagi menunjukkan kesedihan dan kesetiaan kepada suaminya yang telah meninggal dunia.

“Negara kita juga pernah berkabung ketika peristiwa yang menyayat hati seperti menurunkan separuh bendera ketika memperingati tragedi pesawat MH17 yang ditembak pemberontak Ukraine dan kehilangan pesawat MH370.

“Selain itu, negara kita juga pernah kehilangan beberapa tokoh negarawan seperti pemimpin negara, artis legenda, atlet dan beberapa tokoh politik di mana kita memperingati mereka dengan *moment of silent* (kepada non-muslim) dan menyedekahkan Al-Fatihah kepada mereka yang beragama Islam dan amalan tersebut dibenarkan dengan tidak berlebih-lebihan,” katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

Mengetahui mengenai penyanyi antarabangsa Liam Payne yang meninggal dunia dan diratapi oleh peminatnya di seluruh dunia termasuk Malaysia, beliau berkata sebagai umat Islam, penting untuk mengenali perbezaan antara budaya dan agama.

“Banyak budaya mempengaruhi cara masyarakat memperingati seseorang, namun dalam Islam



BUDAYA banyak mempengaruhi cara masyarakat memperingati seseorang yang telah meninggal dunia. - Gambar hiasan

amalan agama tetap sebagai panduan utama. Islam menekankan kewajipan seperti solat dan doa untuk yang telah meninggal, bukannya ritual yang menyerupai amalan bukan Islam.

“Memahami batas antara budaya dan agama membantu umat Islam menjaga identiti dan keyakinan mereka selain budaya adalah apa yang diturunkan melalui adat

resam sesuatu bangsa, manakala kewajipan agama adalah yang berlandaskan melalui Al-Quran, Hadis, Ijma’, Qiyas dan ijtihad ulamak Islam yang selama berusaha menjaga kesucian agar tidak berlaku pelanggaran dalam aspek syariat,” katanya.

Terdahulu, segelintir peminat penyanyi berkenaan dilaporkan akan turut menganjurkan majlis perkabungan di beberapa negara termasuk di Indonesia dan Malaysia yang melibatkan ritual tertentu telah mengundang rasa tidak senang dalam kalangan masyarakat.

Jelas beliau, mengikuti ritual bukan Islam boleh menimbulkan

kekeliruan tentang nilai dan kepercayaan agama dalam kalangan umat Islam selain berpotensi melemahkan hubungan mereka dengan prinsip agama yang sebenar mengundang ketidakpastian dan konflik dalam masyarakat.

“Jika dibiarkan, ia boleh menjejaskan keutuhan dan kekuatan komuniti Islam dan membawa kepada perpecahan serta pelanggaran terhadap nilai-nilai utama yang diajarkan dalam Islam.

“Melalui surah Nuh ayat 23, Allah SWT menyebutkan kesalahan terbesar yang menyebabkan kemurkaan-Nya adalah disebabkan oleh penyembahan berhala; mensyirikkan Allah. Nama-nama berhala itu sebenarnya adalah nama orang-orang yang baik-baik dan soleh dari kaum Nabi Nuh. Setelah mereka mati, syaitan telah ilhamkan kepada mereka yang kemudian, untuk mengingati orang-orang soleh itu dengan buat patung mereka.

“Tujuannya supaya apabila melihat gambar atau patung orang-orang soleh itu, mereka mempunyai semangat berbuat kebaikan seperti orang soleh itu juga. Mereka beri nama mengikut nama-nama asal orang-orang soleh itu. Tapi akhirnya rupa patung itu ada jadi

dalam bentuk manusia dan dalam bentuk binatang pula dan daripada mulanya hendak mengingati orang-orang soleh, terus bertukar menjadi penyembahan yang mensyirikkan Allah SWT,” katanya.

Dalam menangani perkara ini, Lutfil Hadi berkata program pendidikan agama boleh mengintegrasikan modul khas tentang perkabungan dan cara menghormati yang meninggal dengan cara yang mematuhi syariat.

“Pihak berkuasa agama perlu mengadakan kelas yang meliputi topik-topik seperti ini dalam masyarakat atau menyediakan artikel, ceramah dan bahan rujukan boleh memberikan kefahaman yang jelas kepada umat Islam tentang amalan yang sesuai. Mendidik generasi muda sejak awal akan membantu mereka membezakan antara adat budaya dan keperluan agama.

“Umat Islam juga sewajarnya merujuk kepada sumber-sumber tepat yang membantu kita sepertimana platform Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang membantu orang ramai mengulas isu terkini dengan nas-nas yang tepat,” katanya.

Katanya lagi, penggunaan

media sosial dan teknologi moden menawarkan platform yang luas untuk menyebarkan pengetahuan Islam.

“Dengan menggunakan video pendek, infografik dan artikel digital, ajaran mengenai amalan Islam yang betul dapat disampaikan dengan mudah dan pantas.

“Pendekatan ini dapat menarik perhatian lebih ramai orang khususnya golongan muda serta mengurangkan penyebaran salah faham atau amalan yang bercanggah dengan Islam,” katanya.

Tambah Lutfil Hadi, ibu bapa dan keluarga serta masyarakat mempunyai tanggungjawab besar dalam membentuk dan mengukuhkan identiti agama dalam kalangan umat Islam khususnya generasi muda yang bakal memimpin negara ini.

Mereka boleh menjadi contoh dalam mengikuti amalan perkabungan yang betul seperti menunjukkan amalan melalui doa dan ziarah.

“Dengan membina suasana yang mementingkan ajaran Islam, keluarga dan komuniti dapat memastikan ahli-ahlinya mengikuti nilai-nilai agama yang sesuai, sambil menghindarkan mereka dari amalan yang bercanggah dari ajaran Islam,” katanya.

Dalam pada itu, Lutfil Hadi berkata pemimpin agama dan pendidik perlu memainkan peranan dan mengambil langkah proaktif dalam memperkukuh kefahaman umat Islam mengenai amalan perkabungan yang betul.

“Mereka boleh menjelaskan dengan jelas tentang larangan dalam Islam terhadap ratapan melampaui batas dan kepentingan menjaga kesederhanaan.

“Dengan menggunakan ceramah, kelas agama dan perbincangan dalam talian, mereka dapat menekankan kepentingan mengikuti ajaran Islam yang betul sambil menyingkirkan amalan yang tidak berlandaskan Islam,” katanya.

